Sasar 10,000 usahawan mohon pinjaman modal 5

RM1 juta majukan kampung Orang Asli 7

PKPS jual bawang merah lebih murah 8

Negara masuk fasa endemik 1 April 6

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 10 - 16 MAC 2022 www.selangorkini.my

Urus niaga produk halal RM38 juta

Memorandum persefahaman dengan peniaga melangkaui sasaran RM20 juta. Lebih 40 usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bakal bekerjasama dengan syarikat besar bagi memasarkan produk

MUKA 3

Sidang dewan negeri bermula 14 Mac

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan merasmikan sidang, dijadual selama dua minggu. Liputan langsung di saluran YouTube SelangorTV

MUKA 2

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan cek cura RM50,000 kepada Pengarah Garis Architects SDB Bhd Ahmad Jefri Clyde (tengah) dan Haryati Abdul Halim (dua, kanan) yang memenangi Hadiah Pertandingan Reka Bentuk Cadangan Pembangunan Kompleks Kerajaan & GLC Selangor serta Komponen Komersial di Shah Alam pada 1 Mac 2022. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

pancawarna

Terlepas peluang syahid di masjid

Dua rakyat Malaysia kongsi pengalaman ngeri berdepan tembakan pengganas di dua masjid Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019

12-14

Perubahan iklim punca banjir besar?

Pakar Universiti Malaya ulas musim tengkujuh tidak menentu, banjir luar biasa mutakhir ini

9

Yonnyboii kedua popular selepas Siti Nurhaliza

Lirik bersahaja raih perhatian penggemar muzik hingga menjadi antara artis paling popular dalam aplikasi Spotify

15

ADN diminta jaga kesihatan

SHAH ALAM - Wakil rakyat negeri yang membantu kempen pilihan raya Johor diminta menjaga kesihatan sebaiknya sebelum menghadiri persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) Isnin depan.

Speakernya Ng Suee Lim berkata saranan itu bagi memastikan mereka bebas jangkitan Covid-19 sekali gus boleh menyertai perbahasan yang dijadual selama dua minggu sehingga 25 Mac.

"Semua ADN yang berkempen di Johor saya minta anda mengambil langkah berjaga-jaga kerana kita tidak mahu berlaku jangkitan sehingga tidak dapat hadir ke dewan.

"Individu lain termasuk pegawai kerajaan dan media juga diminta melindungi diri dan pastikan kesihatan berada dalam keadaan baik," katanya pada 9 Mac.

Suee Lim berkata semua yang terlibat dalam persidangan itu juga wajib membuat saringan awal selain memaklumkan pemeriksaan kawalan kehormat dan istiadat santapan dibatalkan.

Skim air percuma masih dibuka

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menyeru orang ramai memohon Skim Air Darul Ehsan bagi menikmati air percuma jika belum berbuat demikian.

Agensi berkata pendaftaran untuk skim air percuma sebanyak 20 meter padu itu masih terbuka kepada penduduk yang layak.

"Pastikan anda memenuhi terma dan syarat ditetapkan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan terbuka sehingga 31 Disember 2024," katanya di Facebook.

Maklumat lanjut boleh layari www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/

Antara syarat kelayakan adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Selangor dengan pendapatan isi rumah RM4,000 dan ke bawah.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Sidang dewan bermula 14 Mac

SHAH ALAM - Persidangan penggal kelima Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-14 dijadual berlangsung selama dua minggu di Bangunan Annex di sini mulai 14 Mac.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj diiringi Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin bakal menyempurnakan istiadat pembukaan.

Semua termasuk wakil rakyat dan pengamal media disyarat lengkap dua dos vaksin dan membuat saringan sebelum hadir ke persidangan itu. Individu bergejala juga dilarang hadir.

Isu yang dijangka dibahas ahli dewan antaranya belanjawan negeri, bencana banjir dan persediaan negeri menghadapi fasa endemik.

Speaker DNS Ng Suee Lim juga memberi jaminan semua wakil rakyat diberi masa secukupnya bagi membahas pelbagai isu kepentingan rakyat.

Siaran langsung perbahasan wakil rakyat boleh disaksikan menerusi pautan https://selangortv.my/ dan Facebook MediaSelangor manakala laporan ucapan dan perbahasan boleh diikuti melalui portal selangorkini.my

Seminggu sertai Expo Dubai

Rundingan kontrak lebih RM7 juta

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Selangor memperoleh rundingan kontrak bernilai RM7.5 juta sepanjang seminggu menyertai Expo Dubai 2020 Februari lalu.

EXCO pembangunan usahawan berkata jumlah tersebut membabitkan kerjasama beberapa negara antaranya United Kingdom, India, Indonesia, Poland, Kuwait dan Singapura.

"Ada yang ambil kontrak dengan nilai kecil, mungkin mahu mencuba produk kita. Namun, ada yang terus ambil sehingga RM4 juta.

"Tujuh hari di sana menjadi titik tolak kepada usaha Selangor membawa produk usahawan ke seantero dunia," kata Rodziah Ismail dalam Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) di sini pada 4 Mac.

Beliau menjelaskan Selangor satu-satunya negeri yang memiliki kios sekali gus membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membantu peniaga.

"Kita akan pergi ke beberapa tempat lagi (di dunia). Sebelum ini, tiga tahun kita letak produk di Nanning, China tetapi kali ini ke Dubai. Sebab di sana (Nanning) orang sudah kenal produk kita.

"Jadi mana-mana usahawan yang berminat kembangkan perniagaan, daftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Selangor. Kita akan panggil, beri taklimat untuk bawa ke depan," katanya.

Rodziah mengetuai delegasi Selangor ke expo berkenaan dari 11 hingga 18 Februari yang turut disertai wakil Ko-Hijrah serta Upen.

Promosi kluster industri di Dubai

SHAH ALAM - Sebanyak lima kluster berteras industri diperkenal dan dipromosi sepanjang Minggu Selangor @ Dubai Ekspo 2020 yang bermula 7 hingga 11 Mac.

EXCO pelaburan, perdagangan dan perindustrian berkata lima kluster berkenaan ialah elektrik dan elektronik, bioteknologi, aeroangkasa, mesin dan peralatan, serta makanan dan minuman.

"Minggu Selangor bukan sahaja bertujuan meletakkan Selangor sebagai negeri paling maju di Malaysia tetapi juga menyediakan platform untuk mengukuhkan hubungan dan berkongsi idea dengan 192 negara yang mengambil bahagian.

"Dengan jumlah penyertaan daripada 15 syarikat, Minggu Selangor mempromosikan lima kluster teras industri untuk pelaburan," kata Dato' Teng Chang Khim dalam sidang media secara langsung dari Dubai pada 7 Mac.

Katanya, sebanyak 120 perjumpaan dengan pelabur berpotensi berlangsung dalam tempoh lima hari Minggu Selangor.

"Agensi Kerajaan Negeri turut terbabit dalam sesi perkongsian antaranya Tourism Selangor dan Sepang Goldcoast yang akan berkongsi mengenai pertumbuhan pelancongan.

"Manakala Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Central Spectrum dan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) akan membincangkan mengenai peluang perniagaan berpotensi di negeri ini," katanya.

Selain itu, katanya, Invest Selangor sebagai penyelaras Minggu Selangor berkongsi mengenai inisiatif dan peluang pelaburan termasuk pelaburan secara digital.

1,000 dipindah ke sembilan PPS

SHAH ALAM - Seramai 1,122 mangsa banjir ditempatkan ke sembilan pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negeri ini setakat jam 8 pagi pada 8 Mac.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan jumlah itu terdiri daripada 263 keluarga susulan hujan lebat sehari sebelum itu.

"Agensi pengurusan bencana terus memantau keadaan dan akan membantu proses pemindahan mangsa," katanya.

Hujan lebat luar biasa kira-kira jam 3 petang pada 7 Mac menyebabkan banyak kawasan di Kuala Lumpur Selangor dinaiki air.

Antara kawasan terjejas di Selangor ialah Bandar Baru Sungai Buloh, Kampung Gombak Batu Arang, Kampung Melayu Kundang dan Kampung Melayu Sungai Serai, Batu Arang.

Sebelum ini, Menteri alam sekitar dan air berkata hujan lebat luar biasa dalam tempoh dua jam menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti aliran air yang biasanya untuk tempoh kira-kira dua minggu.

Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata purata hujan bagi tempoh sebulan adalah 200 milimeter (mm), namun petang hari kejadian hujan lebat selama dua jam melebihi 100 mm.

Tengku Zatashah (tengah) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Bukit Hijau, Kuala Selangor pada 2 Mac. Foto REMY ARIFIN

Sedia RM250,000 bantu mangsa bah

KUALA SELANGOR - Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) menyediakan dana RM250,000 bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Ketua pegawai operasinya berkata sumbangan pascabanjir itu dalam bentuk bakul makanan, peralatan elektrik, perkakasan dapur dan barang keperluan harian.

Jelasnya, bantuan diagih kepada mangsa terjejas di sekitar Taman Sri Muda dan Kampung Bukit Lanchong Shah Alam, Kampung Tengah, Puchong serta Hulu Langat.

"Hari ini kita peruntukkan sebanyak RM50,000 bagi membantu 100 mangsa yang tinggal di Kampung Bukit Hijau dan Kampung Parit Mahang.

"Bantuan ini akan diteruskan pada masa akan datang supaya dapat meringankan beban mangsa," kata Johan Halid pada 2 Mac.

Terdahulu, Puteri Sultan Selangor yang juga pengerusi lembaga pemegang amanah Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah menyempurnakan majlis penyerahan bantuan di Masjid Al Falah, Kampung Bukit Hijau di sini.

Selhac pastikan produk IKS tembusi pasaran

Raih RM37.7 juta transaksi niaga

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Sebanyak RM37.73 juta nilai traksaksi urus niaga dicatat sepanjang Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) 2022 berlangsung selama tiga hari sejak 4 Mac.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni mengakui angka berkenaan di luar jangkaan berikutan Kerajaan Negeri sebelum ini hanya menyasar transaksi bernilai RM20 juta.

"Saya terkejut selepas dimaklum pihak urus setia yang jumlah traksasi atau MoU (memorandum persefahaman) sebanyak RM37.73 juta.

"Kita akan memantau perkembangan ini dan sejauh mana kejayaan urus niaga tersebut," katanya ketika menyempurnakan majlis penangguhan Selhac di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini pada 6 Mac.

Mohd Zawawi berkata transaksi menerusi padanan perniagaan itu membabitkan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berusaha memastikan produk mereka menembusi pasaran.

"Mereka ini dipadankan dengan syarikat besar seperti Mydin dan Segi Fresh. Lebih 40 IKS terlibat bagi memasarkan produk seperti pertanian dan makanan di syarikat besar," katanya.

Padanan perniagaan antara tiga komponen yang diketengah dalam persidangan julung kali anjuran Kerajaan Selangor dengan kerjasama Halal International Selangor (HIS) dan Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) Selangor.

Selangor buat julung kali menjayakan Selhac antara 4 hingga 6 Mac di Pusat Konvensyen Shah Alam yang disertai 100 pempamer kluster makanan, farmasi, kecantikan, pelancongan, fesyen dan bahan halal.

Empat program perkukuh ekonomi

SHAH ALAM - Empat program bertaraf antarabangsa yang dijayakan Selangor sejak tahun lalu menunjukkan usaha berterusan Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan ekonomi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penganjuran acara itu juga membuktikan Selangor mengamal norma baharu dan bergerak pantas meski berdepan ancaman Covid-19.

Beliau merujuk program Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor 2021 dan Pameran Udara Selangor pada November, Kejohanan Badminton Berpasukan Asia 2022 dan Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac), Mac ini.

"Apabila pandemik Covid-19 melanda, kita dapat pengajaran penting bagaimana mahu seimbangkan hidup dengan kehidupan," katanya ketika berucap secara maya dalam Majlis Makan Malam Aspirasi Selhac pada 4 Mac.

Amirudin menegaskan Selangor perlu mengambil peluang meneroka industri halal memandangkan aspek kesihatan kesihatan ketika ini menjadi perhatian banyak pihak.

"Dengan jumlah kelahiran tinggi, kita percaya prospek industri ini besar jika diteroka dengan baik. Kalau peluang ini direbut secepat mungkin, kita boleh jadi peneraju," katanya.

Sasar penyertaan sekali ganda

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyasarkan penyertaan sekali ganda Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) pada masa akan datang.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata sasaran itu berdasarkan maklum balas pempamer sepanjang penganjuran tiga hari bermula 4 Mac.

"Saya berharap Selhac diperluas pada masa depan. Sebahagian besar pempamer berminat untuk turut serta dalam penganjuran selepas ini," katanya pada 6 Mac.

Sebanyak 100 pempamer daripada 40 syarikat menyertai Selhac yang terbahagi kepada enam kluster iaitu makanan, farmasi, kecantikan, pelancongan, fesyen dan bahan halal.

Aplikasi himpun maklumat halal

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor merancang untuk membangunkan aplikasi bagi memudahkan orang ramai mendapat maklumat menyeluruh berkaitan sektor halal dalam satu wadah atau platform.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni menjelaskan pembangunan data bahan halal dibincang bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Dengan adanya data dalam bentuk digital, pengguna termasuk pengeluar, peruncit dan pengimport mudah untuk akses.

"Selain ramuan halal, aplikasi ini turut mengumpulkan jumlah permohonan sijil halal dan pemain industri," katanya pada 6 Mac.

Iktiraf pengusaha premis sembelihan

SHAH ALAM - Pengusaha pusat sembelihan yang memiliki sijil halal harus diberi pengiktirafan bagi mendorong mereka beroperasi mengikut piawaian dan patuh syariah.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata penghargaan itu bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

"Ia juga mampu memberi kesedaran kepada masyarakat dan pengguna berhubung kepentingan memilih dan membeli produk sembelihan yang dijamin halal, bersih, berkualiti serta selamat.

"Kita berharap pengusaha yang ada perakuan halal konsisten mematuhi syarat dan peraturan," katanya pada majlis anugerah Premis Sembelihan Halal Terbaik Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini pada 4 Mac.

Ayamas Food Corporation Sdn Bhd dinobat pemenang kategori besar dan sederhana manakala Rumah Sembelihan Shah Alam pula juara kategori kecil.

Sebanyak tujuh premis sembelihan menyertai program julung kali itu. Proses penilaian berlangsung sepanjang bulan lalu.

Beri masa pindah, dapat sijil halal

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memberi ruang dan menetapkan tempoh kepada pengusaha premis sembelihan yang belum memiliki sijil halal untuk memindahkan operasi ke kawasan sesuai.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata pendekatan tersebut diambil supaya mereka tidak dikenakan penguatkuasaan manakala pemindahan ke lokasi sesuai memudahkan proses mendapatkan sijil itu.

Katanya, Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mendapati kebanyakan pemilik premis mengusahakannya atas tanah pertanian, justeru mereka diberi masa untuk mencari kawasan industri.

"Dalam tempoh itu, mereka boleh mencari tempat lebih baik berbanding sedia ada. Kita percaya ini semua demi kepentingan bersama," katanya pada 4 Mac.

Mohd Zawawi menjelaskan hanya 14 daripada 343 premis sembelihan di Selangor memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) setakat Januari.

Selhac jadi contoh negeri lain

SHAH ALAM - Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) dijadikan rujukan Kerajaan Pulau Pinang untuk menganjurkan Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Penang (Pihec) 2022 pada 1 Julai.

EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang Datuk Abdul Halim Hussain berkata mereka hadir ke persidangan tersebut bersama beberapa usahawan untuk melihat sendiri sambutan pengunjung.

"Saya tidak ragu-ragu anjurkan Pihec kerana mendapati ekspo di Selangor masih relevan dan kehadiran orang ramai amat memuaskan khususnya usahawan yang ingin menjalin kerjasama dalam hubungan perniagaan ke perniagaan.

"Ini peluang usahawan Pulau Pinang memperluas pasaran produk ke Selangor dan tidak terhad di satu negeri sahaja. Buat masa ini, usahawan menyertai Selhac berpuas hati serta memaklumkan bertemu dengan rakan kongsi," katanya pada 6 Mac.

Usahawan produk kecantikan dari Pulau Pinang, Siti Nurazlina Mat Saad pula bersyukur diberi peluang memperluas jaringan perniagaan inai di Selangor seterusnya menembusi pasaran halal antarabangsa.

"Sambutan memuaskan dan dikunjungi beberapa pihak yang mahu bekerjasama bagi segmen pengeluaran produk tulen (OEM) serta mendapat ejen baharu," kata pengasas produk Inaicubits.

Manfaatkan persidangan halal

Peluang tembus pasaran global

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) dimanfaatkan sebuah syarikat pengeluar peralatan asli berasaskan kosmetik untuk mendedahkan strategi penghasilan produk jenama sendiri.

Ketua pegawai eksekutif Ensu Lifesciences Sdn Bhd berkata khidmat nasihat secara percuma turut ditawarkan kepada usahawan yang mahu menambah baik mutu produk kecantikan serta kesihatan.

Menurut Nur Firzana Suhana@Husin, 29, pengunjung pula berpeluang mendapatkan pelbagai produk keluaran syarikat yang bertapak di Kota Puteri, Rawang itu antaranya penjagaan kulit, rambut, badan, minyak wangi dan minyak aroma terapi.

Ensu Lifesciences antara 40 syarikat yang menyertai Selhac di Pusat Konvensyen Shah Alam yang berlangsung tiga hari sejak 4 Mac.

"Kos sewa empat tapak pameran di persidangan ini amat berbaloi selepas hampir dua tahun tahun tidak menyertai sebarang acara promosi secara fizikal," katanya pada hari kedua persidangan berkenaan.

Bagi pegawai jualan bertih jagung Ira Nazira Mohd Lizam, 29, Selhac menjadi medium terbaik untuk memperkenalkan produk jenama Bell Popcorn yang berada di pasaran tempatan sejak dua tahun lepas.

Menurutnya, ruang itu tidak akan disia-siakan selaras matlamat memasarkan snek tersebut ke 1,000 cawangan dalam negara selain menembusi pasaran global dalam beberapa tahun akan datang.

"Kami harus guna peluang ini sebaiknya untuk promosi bertih jagung jenama Bell Popcorn kepada rakyat tempatan. Kami juga dalam proses menambah baik pembungkusan supaya kelihatan lebih menarik," katanya.

Promosi ibadah korban, harumanis

SHAH ALAM - Rantaian e-Bekalan Digital Selangor (Seldec) mempromosi dua program baharu dalam Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini.

Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd (SIC) Izzudin Shahmi Mohd Jani menjelaskan program berkenaan adalah Korban Kasih Amal dan Harumanis Perlis.

Beliau berkata Korban Kasih Amal memudahkan umat Islam membuat ibadah korban tanpa perlu hadir secara fizikal manakala bayaran boleh dibuat secara ansuran.

"Antara tawaran lain ialah kita menguruskan proses sembelihan dan dihantar terus ke rumah asnaf serta penerima lain selain diuruskan ahli tauliah jabatan agama.

"Bagi program Harumanis, lebih 50 tempahan diterima. Produk dihantar terus pengusaha ladang yang bekerjasama dengan kita. Selain itu, kita juga cari ejen yang berminat," katanya pada 6 Mac.

Izzudin Shahmi memaklumkan Selhac membuka peluang kepada pihaknya untuk menarik usahawan menyertai Seldec seterusnya mempromosi produk mereka secara digital.

WAKTU SOLAT
10 - 16 MAC 2022
7 - 13 SYAABAN 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Khamis	6:04	6:14	7:20	1:26	4:38	7:28	8:37
11 Jumaat	6:04	6:14	7:20	1:26	4:37	7:27	8:36
12 Sabtu	6:03	6:13	7:19	1:26	4:36	7:27	8:36
13 Ahad	6:03	6:13	7:19	1:26	4:35	7:27	8:36
14 Isnin	6:03	6:13	7:18	1:25	4:35	7:27	8:36
15 Selasa	6:02	6:12	7:18	1:25	4:34	7:27	8:36
16 Rabu	6:02	6:12	7:18	1:25	4:33	7:27	8:35

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Khamis	6:05	6:15	7:21	1:27	4:38	7:28	8:37
11 Jumaat	6:04	6:14	7:20	1:27	4:37	7:28	8:37
12 Sabtu	6:04	6:14	7:20	1:26	4:36	7:28	8:37
13 Ahad	6:04	6:14	7:20	1:26	4:35	7:28	8:37
14 Isnin	6:03	6:13	7:19	1:26	4:35	7:28	8:36
15 Selasa	6:03	6:13	7:19	1:26	4:34	7:27	8:36
16 Rabu	6:03	6:13	7:19	1:25	4:33	7:27	8:36

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Khamis	6:06	6:16	7:21	1:29	4:40	7:30	8:39
11 Jumaat	6:06	6:16	7:21	1:28	4:39	7:30	8:39
12 Sabtu	6:06	6:16	7:21	1:28	4:39	7:30	8:38
13 Ahad	6:05	6:15	7:20	1:28	4:38	7:29	8:38
14 Isnin	6:05	6:15	7:20	1:28	4:37	7:29	8:38
15 Selasa	6:05	6:15	7:20	1:27	4:36	7:29	8:38
16 Rabu	6:04	6:14	7:19	1:27	4:35	7:29	8:38

TENANG... Ibu bapa menemani anak mereka berkhatan dalam program Sunathon Perdana Negeri Selangor 2022 di Masjid Jamek Al-Amaniah, Gombak pada 6 Mac. Seramai 203 kanak-kanak sekitar Gombak menyertai program anjuran Kerajaan Negeri. Foto FIKRI YUSOF ▶ BERITA MUKA 8

800 individu sertai klinik usahawan

SHAH ALAM - Lebih 800 individu menyertai Klinik Usahawan Selangor bagi mendapatkan khidmat nasihat sepanjang tahun lalu, kata EXCO pembangunan usahawan.

Rodziah Ismail berkata usahawan bukan hanya berdepan isu kewangan dan modal untuk mengembangkan perniagaan, malah perlu mendapat nasihat dan pandangan pakar.

"Kita beri latihan, kita lihat keperluan mereka sama ada perlu perkara tambahan untuk tingkatkan daya saing. Kalau perlukan barang atau peralatan, kita beri geran.

"Kalau tidak cukup modal, Hijrah (Yayasan Hijrah) bagi pinjaman. Kalau perniagaan tersekat, kita bimbing menerusi Klinik Usahawan," katanya ketika menghadiri Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) di sini pada 5 Mac.

Klinik Usahawan Selangor dilancarkan pada Julai 2020 oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang menawarkan pusat sehenti bagi runding cara perniagaan dengan pendekatan secara individu dan berkumpulan.

Program kerjasama Kerajaan Negeri dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) serta Syarikat Arabian Gateway Technology (AGT) itu bagi membantu usahawan bermasalah.

Pinjaman RM1,000

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menyasarkan kira-kira 10,000 usahawan memohon pinjaman skim i-Bermusim yang dibuka sejak 25 Februari.

Eksekutif Promosinya Muhammad Ihsan Mohammad Rosdi Kamal berkata inisiatif menjelang Ramadan dan Syawal serta musim buah-buahan membolehkan usahawan mendapat modal antara RM1,000 hingga RM20,000.

"Kita mahu bantu seramai mungkin usahawan kerana ramai dalam kalangan mereka dikesan terpaksa menggadai tanah atau aset untuk mendapatkan modal berniaga.

"Permohonan ini dibuka lebih panjang bukan sahaja sehingga akhir bazar Ramadan dan Syawal memandangkan selepas ini ada musim buah-buahan," katanya pada 6 Mac.

Muhammad Ihsan menjelaskan lebih 100 usahawan memohon dan ada telah mendapat kelulusan.

"Permohonan bagi pinjaman bawah RM5,000 disemak pejabat cawangan manakala ibu pejabat menilai (permohonan) lebih daripada jumlah itu," katanya lagi.

Dokumen diperlukan seperti berikut:

- dua keping gambar pasport
- salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan
- salinan lesen SSM/PBT
- salinan penyata akaun bank atau muka depan buku akaun
- salinan bil utliti premis dan tempat tinggal

Disiplin bayar semula

SHAH ALAM - Usahawan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menunjukkan disiplin dalam membayar balik pinjaman sejak pengenalan kempen pemulihan kredit Jun tahun lalu.

Eksekutif Promosinya Muhammad Ihsan Mohammad Rosdi Kamal berkata bayaran semula itu membantu Hijrah menyalur pembiayaan kepada peniaga lain yang memerlukan modal.

"Pelan pemulihan ditawar selepas menyedari ramai usahawan menghadapi masalah sepanjang pandemik. Kita lihat mereka agak konsisten membuat bayaran balik sama ada secara mingguan atau bulanan," katanya pada 6 Mac.

Menyaran usahawan supaya memanfaatkan tawaran bagi mengembangkan perniagaan, Muhammad Ihsan mengakui beberapa skim pinjaman mendapat sambutan luar jangka hingga mereka tidak menang tangan memproses permohonan.

Kelab malam kekal ditutup

SHAH ALAM - Kelab malam masih tidak dibenarkan beroperasi dalam peralihan ke fasa endemik bermula 1 April ini, kata menteri kesihatan.

Menurut Khairy Jamaluddin larangan itu dikekalkan berikutan premis hiburan terbabit berisiko tinggi untuk menyebarkan jangkitan Covid-19.

"Hanya satu jenis premis sahaja berada dalam senarai negatif iaitu kelab malam kerana persekitaran yang berisiko tinggi jika dibuka meskipun dalam fasa peralihan endemik," katanya pada 9 Mac.

Sehari sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan negara memasuki fasa peralihan endemik dan pembukaan semula sempadan negara awal bulan depan.

Masa 'tunggu dan lihat' sudah tamat

SHAH ALAM - Hanya sejuta kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun mengambil suntikan vaksin berbanding 1.63 juta janji temu yang dihantar setakat 3 Februari.

Menteri kesihatan berkata angka itu masih rendah dan membimbangkan lebih-lebih lagi apabila 119,719 kanak-kanak bawah 12 tahun dijangkiti Covid-19 antara Januari hingga Mac.

Susulan itu, Khairy Jamaluddin menasihatkan ibu bapa segera membawa anak-anak mendapat suntikan berikutan penularan wabak melibatkan golongan tersebut semakin meningkat.

"Masa tunggu dan lihat ini sudah tamat. Ibu bapa masih belum membuat pilihan untuk memberikan vaksinasi kepada anak mereka," katanya pada 9 Mac.

Sinovac untuk kanak-kanak 7 Mac

PUTRAJAYA - Kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun yang tidak boleh menerima vaksin jenis Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech atas sebab kesihatan akan ditawarkan vaksin CoronaVac keluaran Sinovac oleh petugas kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mula menawarkan vaksin CoronaVac di pusat pemberian vaksin (PPV) yang terpilih 7 Mac.

Beliau berkata ibu bapa juga diberi pilihan untuk memberikan vaksin CoronaVac kepada anak mereka sekiranya tidak bersetuju untuk menggunakan vaksin Comirnaty.

Katanya ibu bapa dialu-alukan untuk mendapatkan penjelasan dengan lebih lanjut daripada petugas kesihatan yang bertugas sekiranya terdapat pertanyaan. – BERNAMA

Turunkan harga kit ujian bawah RM5

SHAH ALAM - Kerajaan diminta menetapkan harga siling kit ujian kendiri air liur bawah RM5 bagi mengurangkan beban rakyat, kata ahli parlimen Lembah Pantai.

Fahmi Fadzil dalam sesi Dewan Rakyat pada 3 Mac mengingatkan penggunaan kit kendiri menjadi rutin masyarakat bagi memastikan mereka bebas jangkitan Covid-19.

"Ahli Dewan Rakyat diberi kemudahan membuat tuntutan bayaran balik (beli kit kendiri). Agak tidak munasabah kita dapat manfaat tetapi rakyat yang selalu guna sebelum ke tempat kerja, sekolah.

"Jadi, mohon pertimbang kurangkan dan letak harga siling bawah RM5. RM4.90 agak baik tetapi jika belasan ringgit, RM10 terlalu mahal," katanya.

Sehari sebelum itu, isu kit kendiri dibawa beberapa ahli Parlimen Pakatan Harapan antaranya Steven Sim Chee Keong (Bukit Mertajam) dan Cha Kee Chin (Rasah).

Pada September tahun lalu, kerajaan menetapkan harga siling runcit maksimum kit ujian kendiri air liur pada harga RM19.90.

Sempadan negara kembali dibuka

Beralih ke fasa endemik 1 April

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 8 Mac mengumumkan bahawa negara akan memasuki fasa 'peralihan ke endemik' dan pembukaan semula sempadan negara mulai 1 April.

Beliau berkata keputusan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor, melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) serta meneliti syor daripada Menteri Kuartet.

"Penting untuk saya maklumkan, fasa 'peralihan ke endemik' ini adalah strategi keluar untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan Covid-19," katanya dalam sidang media khas di bangunan Parlimen, di sini.

Fasa peralihan itu, katanya adalah fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik yang tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Malaysia menutup sempadan negara kepada pelancong dan pelawat asing sejak Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 untuk mengekang penularan Covid-19 dalam negara.

Beberapa tatacara operasi piawai (SOP) telah digariskan adalah seperti berikut:

- Pemakaian pelitup muka di tempat awam masih wajib
- Had waktu beroperasi bagi premis perniagaan dimansuhkan
- Pendaftaran kemasukan menggunakan MySejahtera masih diwajibkan kecuali untuk kawasan terbuka
- Jemaah di masjid serta surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat selain Islam boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal
- Keperluan vaksinasi: Mansuh had kapasiti pekerja dan semua individu dibenarkan merentas negeri

Beliau berkata jika sebelum ini terdapat had kapasiti 50 peratus untuk aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai, namun dengan pengumuman terbaharu ini, had tersebut dimansuhkan secara menyeluruh. – BERNAMA

Slot PICKids seluruh negara dibuka

KUALA LUMPUR - Sistem tempahan janji temu untuk menyertai Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) menerusi aplikasi MySejahtera dibuka di seluruh negara mulai 7 Mac.

ProtectHealth memaklumkan sistem yang sebelum ini dilaksanakan di Lembah Klang sejak pada 3 Februari lepas, diperluas ke seluruh negara sebagai usaha memastikan kesejahteraan, kesihatan dan perlindungan kanak-kanak terhadap varian Omicron.

"Selepas mendaftarkan anak sebagai tanggungan, ibu bapa atau penjaga boleh memilih pusat pemberian vaksin (PPV) untuk menempah janji temu vaksinasi menerusi aplikasi MySejahtera dan memilih tarikh dan masa dikehendaki.

"Adalah disyorkan untuk mengemas kini aplikasi kepada versi terkini sebelum menempah janji temu melalui Sistem Pengurusan Tempahan bagi kanak-kanak lima hingga 11 tahun, anda (ibu bapa atau penjaga) harus memilih Pfizer (kanak-kanak) sebagai jenis vaksin," menurut kenyataan itu pada 4 Mac.

Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Datuk Dr Anas Alam Faizli menasihati ibu bapa agar mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak bagi melindungi anak-anak mereka daripada komplikasi serius, terutamanya Sindrom Keradangan Pelbagai Sistem dalam Kanak-Kanak (MIS-C).

Menurut beliau, dilaporkan pada Februari, tujuh kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah meninggal dunia akibat MIS-C disebabkan jangkitan Covid-19 di Malaysia, dan kes berkenaan dilihat semakin meningkat.

"Kajian menunjukkan bahawa vaksin Pfizer kanak-kanak berkesan dan mampu meningkatkan imuniti terhadap Covid-19, serta mengurangkan risiko penyakit serius daripada virus itu," katanya. – BERNAMA

Loy Sian (dua, kiri) memberi sumbangan makanan kepada penduduk Kampung Orang Asli Sungai Dua, Pulau Ketam, Klang pada 4 Mac. Foto REMY ARIFIN

Naik taraf kediaman, kemudahan asas

RM1 juta perkasa kampung Orang Asli

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KLANG - Kerajaan Selangor menyediakan peruntukan berjumlah RM1 juta untuk membina dan menaik taraf kediaman dan kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli.

EXCO Hal Ehwal Orang Asli Hee Loy Sian berkata pihaknya akan mendapatkan maklumat terperinci Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mengenai premis berkaitan, sama ada perlu dibaiki atau dibina baharu.

"Bukan sahaja rumah, kita juga lihat kemudahan seperti jeti yang perlu dibaik pulih. Kita akan kumpul maklumat sebelum perhalusi kos," katanya selepas mengagih bantuan makanan di Kampung Orang Asli Sungai Dua, Pulau Ketam, Pelabuhan Klang di sini pada 5 Mac.

Belanjawan Selangor 2022 menyediakan peruntukan untuk membina, baik pulih dan naik taraf kedaifan kediaman di perkampungan Orang Asli sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi.

Agihan 6,000 bakul makanan selesai

KLANG - Sebanyak 6,000 bakul makanan diagih ke 74 perkampungan Orang Asli di seluruh negeri sejak tahun lalu, kata EXCO hal ehwal orang asli.

Hee Loy Sian menjelaskan sumbangan itu hasil kerjasama dan tajaan sepenuhnya daripada Malaysian Chamber of Commerce Hong Kong and Macau (Maycham China).

"Saya hanya sampaikan sumbangan yang ditaja sepenuhnya badan bukan kerajaan (NGO). Ini program agihan ketiga kepada masyarakat Orang Asli.

"Pada pusingan pertama dan kedua, Kerajaan Selangor ada menyediakan peruntukan bantuan kira-kira RM300,000," katanya ketika mengagih bantuan makanan di Kampung Orang Asli Sungai Dua, Pulau Ketam di sini pada 4 Mac.

Loy Sian berkata program membabitkan 18 keluarga penduduk kampung itu tergendala akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan wabak Covid-19 dan banjir baru-baru ini.

"Saya berharap sumbangan ini meringankan beban mereka dan tidak terputus bekalan makanan terutama ketika pandemik," katanya sambil menegaskan pihaknya akan terus menyalur bantuan kewangan dan membaik pulih prasarana mereka.

Sementara itu, wakil Tok Batin Kamarul Abdullah berkata penduduk amat mengharapkan sumbangan berkenaan terutama dalam tempoh pandemik.

"Dengan bantuan bakul makanan ini sekurang-kurangnya dapat menjimatkan belanja dapur dalam tempoh sebulan hingga dua bulan, jadi buat sementara ini tidak perlu ke pekan untuk beli barangan keperluan.

"Terima kasih Kerajaan Selangor termasuk badan bukan kerajaan yang tidak putus-putus membantu penduduk Orang Asli," katanya.

Mengulas inisiatif Kerajaan Selangor mahu menaik taraf perkampungan dan kediaman Orang Asli, Kamarul menyambut baik dan berharap lebih banyak kemudahan dapat dirasai selepas ini.

Tiada laporan masjid terjejas bah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri masih belum menerima laporan mengenai masjid dan surau yang terjejas akibat banjir pada 7 Mac.

EXCO Hal-Ehwal Agama Islam berkata walaupun beberapa kawasan dinaiki air hingga pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka, namun tiada rumah ibadat yang terjejas.

"Setakat ini kita belum terima laporan, tetapi jika ada kita akan segera bertindak membaik pulih kerosakan," kata Mohd Zawawi Ahmad Mughni pada 8 Mac.

Dalam kejadian banjir Disember lalu, sebanyak 33 masjid dan 70 surau terjejas tetapi semua kembali dibuka dua minggu selepas bencana.

Mohon hadiah masuk universiti

SHAH ALAM - Anak Selangor dalam kalangan keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah dipelawa memohon Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) berjumlah RM1,000 mulai 1 hingga 31 Mac.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memaklumkan pemohon mesti pelajar tahun pertama yang mengikuti pengajian sepenuh masa peringkat ijazah sarjana muda, diploma dan sijil kemahiran tahap empat di IPT awam serta swasta.

Permohonan boleh dibuat dengan melayari hpipt.selangor.gov.my dan pertanyaan lanjut sila hubungi urus setia HPIPT di talian 03-5544 7385 atau 03-5521 5523.

HPIPT dilaksanakan sejak 2008 bagi meringankan beban pelajar keluarga berpendapatan rendah yang menerima tawaran melanjutkan pengajian di IPT awam dan swasta.

Galak wanita ceburi perniagaan halal

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) mahu membantu memperluas pembabitan wanita dalam perniagaan khususnya dalam pengeluaran produk halal.

Ketua Biro Kelestarian dan Kesihatannya Hazlina Abd Razak berkata Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) membuka pelbagai peluang perniagaan kepada usahawan wanita.

"Persidangan ini membolehkan ramai usahawan bertemu dan membuka lebih banyak peluang menerusi padanan perniagaan iaitu salah satu komponen acara ini.

"Lagipun, perniagaan dan wanita memang tidak dapat dipisahkan," katanya pada 6 Mac.

Hazlina yang juga pengerusi Pekawanis Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis berkata pihaknya juga akan membawa isu memperkasa wanita dalam sektor perniagaan pada mesyuarat Pekawanis akan datang.

PKPS jual bawang merah lebih murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menawarkan harga bawang besar lebih murah menerusi Jualan Ehsan Prihatin Rakyat iaitu RM2.80 sekilogram (kg) atau RM24 bagi seguni bawang besar seberat 10 kg.

"Bawang besar pada harga murah ini boleh diperoleh di Wisma PKPS di sini dan program Jualan Lori Ehsan PKPS di kawasan ditetapkan," menurut kenyataan di Facebook pada 7 Mac.

Sebelum ini, EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata program Jualan Prihatin Rakyat menawarkan empat barang keperluan harian iaitu ayam, telur, daging dan ikan pada harga murah mulai 27 Februari hingga menjelang Aidilfitri.

Katanya, program setiap Sabtu dan Ahad menerusi kerjasama Selangor Agro Market dan PKPS adalah kesinambungan Program Intervensi Harga Makanan Ehsan yang dilancar Dato' Menteri Besar pada bulan lalu.

MBI sumbang kain pelikat

SHAH ALAM - Pemerbadanan Menteri Besar atau MBI menyumbang 3,300 kain pelikat kepada peserta Program Sunathon Perdana Selangor 2022.

EXCO pembangunan luar bandar berkata inisiatif itu sangat dihargai kerana meringankan beban keluarga peserta dalam menyediakan keperluan berkhatan.

"Dalam masa sama setiap daerah juga menyediakan buah tangan kepada peserta seperti coklat. Ini dapat menghilangkan rasa gementar dan memberi kegembiraan.

"Ada kanak-kanak berusia lima tahun mahu sertai program ini. Jadi dengan coklat ini mereka tidak memikirkan kesakitan," kata Borhan Aman Shah pada 9 Mac.

Bawa bekas sendiri dapat baucar RM10

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menawarkan baucar bernilai RM10 kepada 1,000 pelanggan yang membawa bekas makanan sendiri ke bazar Ramadan.

Tawaran pada setiap Rabu bagi mengurangkan penggunaan plastik dengan ganjaran boleh ditebus di bazar sekitar Subang Jaya, kata Datuk Bandarnya Dato' Johary Anuar.

"Baucar boleh ditebus di mana-mana gerai di 16 lokasi bazar Ramadan sekitar Subang Jaya dengan syarat menunjukkan bekas makanan yang dibawa.

"Setiap pelanggan boleh menikmati peluang sekali sahaja untuk membeli makanan atau minuman di bazar sepanjang Ramadan," katanya menambah baucar boleh digunakan sehari selepas menerimanya.

Kisah sebalik barah Brendan Gan

SHAH ALAM - Apa perasaan pemain tengah Selangor FC Brendan Gan apabila mengalami kesakitan akibat barah ketika mewakili negara sewaktu kelayakan Piala Dunia di Dubai tahun lalu?

Selangorkini edisi 17-23 Mac menceritakan kisah di sebalik keperitan yang ditanggung kapten Selangor FC setelah mengetahui wujudnya ketumbuhan.

Pembaca sisipan Pancawarna minggu depan berpeluang mengetahui sisi lain Brendan, selain aksi lincahnya di tengah padang.

Ia juga memuatkan tulisan kolumnis Zamir Mohyeddin mengenai evolusi gading gajah yang semakin mengecil dan dijangka tidak lagi mengeluarkan bahagian itu pada masa depan.

Tidak sempat dimuatkan minggu ini bagi memberi laluan kepada isu banjir, teori gading itu dibincangkan susulan tekanan sindiket pemburuan haram di Afrika yang kian berleluasa.

Turut disiarkan tulisan pengkritik filem Daniyal Kadir yang menyorot kembali pembikinan filem epik Melayu, Hang Tuah pada 1956.

Sebagai karya termahal yang dihasilkan ketika era kegemilangan Studio Jalan Ampas, filem lakonan seniman agung Tan Sri P Ramlee itu meletakkan tanda aras baharu filem Melayu.

Bahan menarik lain yang menanti pembaca termasuklah infografik mengenai tanda-tanda buah pinggang yang gagal berfungsi.

Sempena Hari Buah Pinggang Sedunia pada 15 Mac ini, maklumat padat dan ringkas ini memuatkan cara penjagaan organ penting itu supaya tubuh kekal sihat.

Ringan beban ibu bapa

3,000 kanak-kanak dikhatan percuma

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

GOMBAK - Seramai 203 kanak-kanak sekitar daerah ini berkhatan beramai-ramai secara percuma dalam program Sunathon Perdana Selangor 2022 di Masjid Jamek Al Amaniah Batu Caves di sini pada 6 Mac.

Seramai 92 peserta dari mukim Batu, Kuang (66), Setapak (33), Rawang (10) dan Hulu Kelang (dua) berusia antara lapan hingga 15 tahun terlibat dalam acara anjuran Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Pegawai Daerah Gombak Nor Azlina Abdul Aziz berkata seramai 3,300 kanak-kanak seluruh Selangor disasar mendapat manfaat melalui inisiatif itu yang sebelum ini dijayakan di Hulu Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor.

"Diharap usaha ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah berikutan kos berkhatan agak tinggi," kata beliau lagi.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang Saari Sungib dan penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia Abdul Rahim Kasdi.

Terdahulu, peserta diwajib membuat saringan ujian pantas antigen (RTK-Ag) sebelum dibawa ke bilik berkhatan yang dikendalikan 20 pegawai perubatan bertauliah daripada Pertubuhan Kebajikan Perubatan Komuniti (PKOM).

Program Sunathon Perdana Negeri Selangor 2022 bermula 26 Februari hingga 13 Mac depan. Lokasi dan tarikh program Sunathon akan datang seperti berikut:

- Sepang – 12 Mac (Dewan Bandar Baru Salak Tinggi)
- Kuala Langat – 13 Mac (Dewan Sri Jugra, Teluk Datuk, Banting)

Kembar teruja sertai Sunathon

GOMBAK - Pasangan kembar dari Kampung Sungai Kertas di sini teruja dikhatan beramai-ramai dalam program Sunathon Perdana secara percuma di Masjid Jamek Al Amaniah, Batu Caves pada 6 Mac.

Biarpun gemuruh, pelajar Sekolah Rendah Agama (SRA) Sungai Kertas menempuhi proses itu kurang 10 minit.

Mohd Suhaimi Mohammad, 51, berkata anaknya Afiq Nazmie Mohd Suhaimi berusia sembilan tahun bangun seawal jam 6 pagi kerana tidak sabar untuk berkhatan, apatah lagi ramai rakan seusia sudah berbuat demikian.

"Sebaik pihak sekolah maklumkan program ini, saya beritahu anak. Pada awalnya mereka agak terkejut. Saya dan abang mereka berusia 11 tahun pujuk dan beri kata semangat memandangkan ramai kawan seusia sudah bersunat.

"Alhamdulillah tiada bantahan dan mereka begitu bersemangat hingga bangun awal pagi," katanya.

Nur Hatini Abdullah, 38, pula memanfaatkan musim cuti sekolah untuk mengkhatankan anak keempatnya Muhammad Naim Najwan Mutalib, 8, selepas pendaftaran dibuat melalui ketua kampung.

Beliau menyifatkan program percuma itu mampu meringankan beban ibu bapa kurang berkemampuan berikutan kos berkhatan di luar terlalu mahal.

"Kos bersunat di klinik swasta lebih RM200, tentunya membebankan ibu bapa yang ada tanggungan ramai. Jadi, program ini saya gunakan sebaik-baiknya walaupun perasaan anak seolah-olah bercampur baur," katanya.

Kamarul Ridwan Rozhan, 31, bersyukur kerana dapat memenuhi hasrat anak sulungnya Muhammad Qusyairi, 10, yang menanti sekian lama untuk berkhatan.

"Sebelum ini, memang dia sering tanya bila boleh bersunat dan kebetulan ada program sebegini, jadi ibu saya tolong daftarkan melalui kawannya.

"Dia nampak tenang dan langsung tidak takut tambahan pula ramai kanak-kanak lain turut serta," katanya.

Lumpuh akibat tembakan di masjid
14

Putrajaya harus bantu, Selangor jana ekonomi negara

Apa sebab bah besar?

Benarkah banjir teruk di Selangor dan Pahang akibat taburan hujan luar biasa di Banjaran Titiwangsa? Apakah amaran hujan lebat sudah dikeluarkan?

Untuk mengelak banjir besar berulang, apakah tindakan yang harus diambil oleh Putrajaya? Wajarkah kerajaan melabur berbilion-bilion ringgit untuk membina terowong banjir di bawah tanah?

Ada orang mendakwa taufan di Filipina menyebabkan hujan lebat ke Selangor dan negeri Pantai Barat pada Disember lalu. Apakah benar taufan Rai puncanya?

Selain bersetuju dengan langkah Selangor menangani perubahan iklim, Felo Penyelidik Kanan Institut Sains Bumi dan Samudera Universiti Malaya Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah mengulas isu-isu menarik ini kepada wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK pada 1 Mac.

Boleh Datuk huraikan sistem tekanan rendah di Banjaran Titiwangsa yang menyebabkan hujan lebat hingga banyak kawasan terjejas teruk dilanda banjir termasuk Selangor?

Dalam membuat ramalan, saya menggunakan pelbagai sumber termasuk disediakan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengetahui paras sungai. Saya juga guna sumber luar seperti laman sesawang Earth Nullschool yang mengumpul data daripada Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan Amerika Syarikat dan Sistem Ramalan Sejagat (GFS).

Data tekanan rendah ini dikesan di Laut China Selatan pada 15 Disember 2021, dibawa angin dari China dan mula memasuki Semenanjung Malaysia menerusi Banjaran Titiwangsa pada keesokan harinya, seawal jam 10 pagi yang secara perlahan-lahan meliputi kawasan luas.

Tekanan dibawa luruan udara sejuk atau monsun, yang bertembung angin kencang selaju 30 hingga 40 km sejam, turut membawa kelembapan yang boleh menyebabkan taburan hujan tinggi untuk jangka panjang dan inilah yang dibawa ke Banjaran Titiwangsa.

Mulanya kami meramal pergerakannya ke Pantai Timur tetapi memasuki pertengahan Banjaran Titiwangsa (pada 16 Disember) disebabkan angin kencang. Jadi kawasan tanah tinggi itu terima hujan tinggi. Bayangkan dalam tiga jam sahaja, ia merekodkan 22 milimiter (mm) yang kemudiannya meningkat sehingga 110 mm.

Ia juga membentuk fenomena kepala air besar seperti berlaku di Yan, Kedah yang alirannya turut membawa puing banjir seperti selut dan kayu. Ada rakan-rakan saya di Janda Baik, Pahang beritahu kejadian itu berlaku di tempat mereka.

Bestari Jaya (Kuala Selangor) dan Ulu Yam (Hulu Selangor) turut dinaiki air tetapi mungkin tidak terjejas teruk kerana ada kolam takungan Sistem Peningkatan Hibrid di Luar Sungai (Horas). Begitu juga di Bentong, Pahang. Sebab itu kita tengok keadaan di Telemong cukup teruk apabila kediaman penduduk dipenuhi banjir lumpur serta kayu.

Aliran air dari banjaran sampai ke Hulu Langat mungkin dalam satu jam sahaja, cukup deras dan bawa puing yang menghanyutkan rumah serta kereta penduduk berhampiran sungai.

Cuma saya juga berpendapat dalam tempoh itu, ada juga air dilepaskan dari empangan untuk mengelakkannya pecah dan menyebabkan keadaan lebih buruk berlaku. Sama seperti sekarang apabila banjir melanda Terengganu (hujung Februari), air di empangan Kenyir dilepaskan.

Adakah taufan Rai yang melanda Filipina pada waktu tersebut memberi kesan kepada tekanan rendah di Malaysia?

Sebenarnya ia mematikan luruan monsun apabila kedua-duanya bertembung. Ia menjadi antitaufan. Awalnya memang taufan Rai memberi momentum tambahan tetapi apabila masuk ke dalam, monsun menjadi lemah.

(Arah tiupan) taufan itu berlawan arus dengan Monsun Timur Laut pada 19 Disember. Sebab itu, hujan berhenti pada sebelah petang hari itu.

Adakah banjir seperti ini mudah diramal berbanding banjir kilat?

Ya, ia memang mudah (diramal) kerana sistem besar ini mempunyai resipi sendiri untuk terjadi. Sekiranya ada luruan udara, monsun dan tekanan rendah, pastinya taburan hujan tinggi. Kita boleh mengesannya menerusi permodelan serta melihat data ramalan.

Banjir kilat pula sukar diramal dan ia hanya berlaku untuk tempoh singkat. Kejadian pada 18 hingga 19 Disember lalu bukan banjir kilat tetapi banjir besar yang kesannya lebih teruk serta memerlukan air surut lebih lama.

Adakah fenomena pengaruh taufan pernah berlaku di Malaysia?

Kejadian ini sama seperti berlaku di Pulau Pinang pada 2017. Bencana itu hampir menjejaskan seluruh negeri itu. Saya kata senarionya sama kerana pusat taburan hujan berada di tempat lain tetapi kesannya teruk dirasai di kawasan lain.

Pada 2017, kajian kami mendapati tekanan rendah yang menjadi punca taburan hujan tinggi berada di Kuala Muda, Kedah tetapi tidak terjejas teruk kerana kawasan itu mempunyai bendang luas. Jadi air dilepaskan ke situ sahaja.

Berbeza dengan Pulau Pinang yang bentuk muka buminya berlembah dan bukan landai. Jadi air naik dengan cepat sehingga menenggelamkan banyak kawasan.

Bagaimana pula punca banjir di kawasan lain di Selangor seperti Klang dan Shah Alam?

Taburan hujan tinggi dan air pasang besar. Walaupun air pasang besar tidak terlalu tinggi iaitu 4.6 meter tetapi apabila bertembung pula dengan hujan lebat pastinya air dari sungai dan darat tidak boleh mengalir ke laut.

Kalau ikut kajian kami, taburan hujan di Lembah Klang biasanya sekitar 2,000 mm setahun tetapi pada tiga hari bermula 17 Disember, taburan dicatat 300 mm. Boleh bayangkan bagaimana tinggi taburannya.

Sungai yang dalam sekalipun tidak mampu menampung, apatah lagi saliran-saliran kecil. Jadi banyak kawasan, rumah dan premis cepat dinaiki air.

Apakah pandangan Datuk mengenai langkah Kerajaan Selangor ingin mewujud jawatankuasa tetap perubahan iklim (yang dipikul EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian) susulan bencana banjir itu?

Bagus! Maksudnya, sudah ada kesedaran untuk menerima hakikat bahawa perubahan iklim telah menunjukkan bibit-bibitnya sekarang, bukan lagi dijangka 20 tahun akan datang.

Mulai dari sekarang, (kerajaan) harus buat perancangan apa perubahan boleh dilakukan, sektor mana perlu dilihat dan lokasi berpenduduk ramai yang berisiko terjejas. Boleh buat perancangan teliti untuk menghindar masalah pada masa depan.

Masalah bencana ini kita tidak boleh hindar kerana ia berlaku tanpa dirancang. Kita seharusnya merancang untuk berdepan dengan bencana. Lihat senario buruk yang boleh berlaku dan lihat juga aset yang perlu diselamatkan untuk elak kerugian lebih besar.

Bagaimana pula dari segi keanggotaan jawatankuasa?

Saya lebih senang kalau jawatankuasa itu menasihati golongan profesional berbanding ahli politik atau pegawai tadbir dan diplomatik (PTD).

Bagi saya, perlu ada pakar. Kita ramai pegawai dalam JPS dan ahli akademik yang membuat kajian. Kita tidak buat keputusan yang mungkin disukai orang tetapi kita beri senario sebenarnya dengan telus.

BERSAMBUNG MUKA 16

Sedia awal hadapi bah

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

Tohmahan Kerajaan Selangor tidak bersedia berdepan bencana Disember lalu hanya dakwaan kosong kerana pelan perancangan telah dibuat sejak September meski negeri ini tidak diramal diancam hujan luar biasa.

Bermula daripada mesyuarat penyelarasan, pemberitahuan amaran banjir, persediaan pusat pemindahan sementara dan penyediaan keperluan asas mangsa semuanya sudah diatur sebaik mungkin.

Namun bencana kali ini cukup luar biasa sehingga melebihi kemampuan jentera negeri seperti diakui Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang khas Parlimen 20 Januari lalu.

Selain curahan hujan sehingga 380 milimeter (mm), melebihi purata taburan hujan sebulan, fenomena air laut pasang besar memburukkan lagi keadaan pada 17 dan 18 Disember.

Persediaan awal Kerajaan Negeri dibuat menerusi mesyuarat pertama pengurusan Monsun Timur Laut pada 6 September yang dipengerusikan setiausaha kerajaan negeri ketika itu Dato' Nor Azmie Diron.

Keesokannya, latihan simulasi penyelarasan bantuan banjir dan operasi menyelamat dikendalikan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Pada 22 Oktober pula, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim, waktu itu pegawai kewangan negeri, mempengerusikan mesyuarat penyelarasan banjir sekali lagi, termasuk dampak air pasang besar.

Tindakan segera diambil agensi-agensi negeri dan pusat yang memantau lokasi pesisir pantai di Klang, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Kuala Selangor serta menutup pantai daripada kunjungan orang ramai.

Amaran risiko banjir ketika Monsun Timur Laut juga sudah dikeluarkan Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) menerusi siaran media pada 17 November lalu, menyusuli kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) awal bulan tersebut.

Kenyataan MetMalaysia bagaimanapun tidak menyebut Selangor diramal menerima hujan lebat berterusan sepanjang musim berkenaan. Seperti biasa ramalan awal itu menyebut risiko hujan di negeri Pantai Timur.

UPBN, bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, menasihat penduduk di kawasan berisiko di semua sembilan daerah agar bersedia susulan purata taburan hujan sebulan (ulang: sebulan) diramal di antara 140 mm hingga 300 mm antara November hingga Mac tahun ini.

Buka pusat pemindahan

Persiapan rapi turut meliputi penyediaan 604 pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negeri yang boleh menempatkan puluhan ribu mangsa. Kerajaan Selangor menyediakan enam pusat berkapasiti besar yang mampu memuatkan lebih 2,000 orang, 50 premis PPS sederhana (501 hingga 2,000 orang) dan 548 premis kecil (hingga 500 orang).

Akibat tiada ramalan hujan luar biasa, bantuan makanan dan kelengkapan asas disediakan untuk menghadapi bencana tahap biasa yang mampu menampung keperluan 5,000 mangsa dalam tempoh 10 hari.

Bagi menampung keperluan tambahan tenaga sukarelawan ketika banjir, Kerajaan Negeri menggerakkan pasukan Team Selangor dan Sukarelawan Selangor (Serve) untuk membantu mengedar makanan dengan segera.

Bencana kali ini sememangnya luar biasa. Banyak jabatan dan orang ramai tidak menjangkakan banjir boleh seburuk ini. Hujan lebat mencurah-curah dalam dua atau tiga hari mengatasi purata sebulan.

Jumlah hujan tersebut seumpama fenomena yang berlaku setiap 100 tahun sekali, kata Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang. Malah ramai penduduk teringat banjir besar di Selangor dan Kuala Lumpur pada 1971.

Faktor dikenal pasti menjadi penyumbang banjir luar biasa:

Pertamanya, pembentukan sel tekanan rendah di perairan Selat Melaka menyebabkan hujan lebat berterusan di Pantai Barat Semenanjung.

Kedua, curahan hujan tinggi direkodkan pada 18 Disember; berdasarkan data KASA, tiga stesen merekodkan taburan tinggi, Sentul (363 mm), Gombak (247 mm) dan Jinjang (258mm).

Ketiga, fenomena air laut pasang besar dengan ketinggian 4.5 meter pada 4.57 pagi 18 Disember yang menyebabkan 134 pintu air terpaksa ditutup bagi elak limpahan.

Keempat, akibat curahan hujan tersebut, sistem saliran tidak mampu menampung kuantiti tinggi air serentak.

Apa kata perdana menteri

Taburan hujan luar biasa

Persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh juga lebih banyak tertumpu kepada negeri-negeri di Pantai Timur dan banjir luar biasa di Selangor yang berlaku ini adalah di luar jangkaan banyak pihak.

Banjir di negeri Selangor yang bermula pada hari 18 Disember 2021 telah berlaku akibat daripada jumlah purata taburan hujan luar biasa iaitu 380 milimeter pada hari tersebut yang menyamai jumlah purata taburan hujan bagi tempoh sebulan.

Pada masa yang sama, kejadian air pasang telah menyebabkan banjir ini bertambah lebih buruk.

Di luar kemampuan Selangor

Kejadian banjir yang berlaku ini melebihi kemampuan jentera tindak balas Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Selangor juga jarang berdepan dengan banjir besar luar biasa seperti kali ini.

... impak taburan hujan yang tinggi ini, sangat tidak diduga oleh semua pihak. Sebagai contoh, meskipun penduduk di Taman Sri Muda, Shah Alam sudah biasa berdepan banjir kilat akibat hujan lebat namun mereka tidak menyangka air akan naik begitu cepat dan tinggi pada kali ini.

Bot penyelamat sukar bergerak

Kerja-kerja menyelamat menjadi lebih sukar berikutan kenderaan yang terperangkap di jalan utama sehingga menghalang kenderaan penyelamat memasuki kawasan perumahan sehingga ada keadaan yang mana aset-aset menyelamat terpaksa dipikul ke kawasan terlibat.

Selain itu, bot-bot penyelamat juga sukar untuk bergerak di dalam kawasan banjir kerana tersangkut pada kenderaan yang tenggelam di kawasan terjejas.

Kelewatan kerja-kerja menyelamat juga adalah disebabkan alamat rumah yang diberikan oleh pemanggil tidak dapat dikenal pasti kerana sudah ditenggelami air.

Pusat pemindahan ditenggelami air

Selain daripada itu, sekolah dan fasiliti yang telah diwartakan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) pula turut ditenggelami air. Justeru, PPS *ad hoc* (tanpa perancangan) diwujudkan seperti penggunaan surau, masjid malahan khemah sementara juga telah didirikan dengan kadar segera bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir yang diselamatkan.

Ketiadaan bekalan elektrik dan infrastruktur komunikasi yang terputus akibat banjir menyebabkan penduduk tidak dapat menghubungi agensi penyelamat untuk bantuan. Inilah antara cabaran yang dihadapi oleh pasukan penyelamat dan petugas di lapangan dalam operasi bencana yang luar biasa ini.

■ ucapan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang khas Dewan Rakyat, 20 Januari 2022

Segera bertindak bantu rakyat

Walau Selangor tidak diramal bakal mengalami hujan lebat berterusan peringkat merah, Kerajaan Negeri tetap membuat persediaan awal sejak September lagi bagi berdepan ancaman Monsun Timur Laut.

Apabila hujan mencurah-curah mulai 17 Disember, biar tanpa amaran merah Jabatan Meteorologi Malaysia, pentadbiran negeri sudah bersiap sedia mengharungi banjir luar biasa seawal tengah hari 18 Disember.

Mesyuarat penyelarasan operasi menyelamat dan bantuan yang diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari diadakan jam 3 petang setelah laporan banjir semakin banyak diterima.

Keadaan luar biasa tersebut diakui sendiri Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob:

"Banjir di negeri Selangor yang bermula pada hari 18 Disember 2021 telah berlaku akibat daripada jumlah purata taburan hujan luar biasa iaitu 380 milimeter pada hari tersebut yang menyamai jumlah purata taburan hujan bagi tempoh sebulan.

"Pada masa yang sama, kejadian air pasang telah menyebabkan banjir ini bertambah lebih buruk," katanya ketika membentang laporan bencana pada sidang khas Dewan Rakyat awal tahun ini.

"Kejadian banjir yang berlaku ini melebihi kemampuan jentera tindak balas Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Selangor juga jarang berdepan dengan banjir besar luar biasa seperti kali ini."

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyediakan fakta lengkap perkembangan penting bagaimana cepat dan tangkasnya Kerajaan Negeri menangani banjir besar hujung tahun lepas:

6 September

Mesyuarat pengurusan dan bantuan bencana dan persiapan menghadapi Monsun Timur Laut

7 September

Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) adakan bengkel dan latihan simulasi penyelarasan bencana bagi Monsun Timur Laut

22 Oktober

Mesyuarat penyelarasan Monsun Timur Laut dan air laut pasang besar

1 November

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) beri amaran Monsun Timur Laut di negeri-negeri Pantai Timur bermula awal November hingga Mac 2022 tetapi Selangor tidak dinyatakan

17 November

Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor keluar kenyataan MetMalaysia jangka purata hujan sebulan: 250-370mm (November), 200-300mm (Disember) dan 150-230mm (Januari)

17 Disember

Tiada amaran hujan lebat dikeluarkan, hanya amaran kuning (waspada) di sebahagian utara Selangor walau Klang sudah dinaiki air sejak tengah malam sebelumnya

18 Disember

Amaran hujan sangat lebat yang berterusan atau amaran merah (bahaya) di seluruh Selangor hanya dikeluarkan jam 2 petang walau hujan mencurah-curah sejak semalam

- Dato' Menteri Besar ketuai mesyuarat penyelarasan banjir bersama agensi kerajaan pada 3 petang
- Agensi penyelamat barisan hadapan terus digerakkan, 46 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka dengan 3,582 mangsa di Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat dan Kuala Selangor
- Pusat Operasi SMART Selangor beroperasi 24 jam untuk selaras bantuan dan operasi menyelamat
- Sebanyak 134 pintu air ditutup bagi mengelak limpahan air laut pasang besar
- Amaran hujan sangat lebat yang berterusan atau amaran merah (bahaya) di seluruh Selangor dikeluarkan sekali lagi jam 8 malam
- Nombor telefon bilik gerakan UPBN, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan dihebahkan kepada umum untuk salur bantuan dan operasi menyelamat
- Menulis di Twitter jam 8.52 malam, Dato' Menteri Besar maklumkan Selangor mohon bantuan kerajaan persekutuan melalui perdana menteri dan menteri pertahanan
- Amaran hujan sangat lebat yang berterusan atau amaran merah (bahaya) di seluruh Selangor dikeluarkan lagi jam 10.30 malam
- Dato' Menteri Besar memantau PPS di Padang Jawa, Shah Alam setelah gagal ke kawasan-kawasan lain berdekatan akibat hubungan jalan raya terputus
- Nombor telefon pusat operasi banjir 24 jam selama tujuh hari dihebahkan kepada umum

19 Disember

Amaran hujan sangat lebat yang berterusan atau amaran merah (bahaya) di seluruh Selangor dikeluarkan jam 1.40 pagi

- Dato' Menteri Besar melawat PPS di Klang dan Kuala Langat termasuk membantu membawa keluar bayi, warga emas dan wanita yang perlukan perhatian khusus
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, DYTM Raja Muda Selangor dan perdana menteri masing-masing melawat mangsa banjir di lokasi berbeza
- Setiausaha kerajaan negeri ketuai mesyuarat penyelarasan banjir hari kedua bersama agensi kerajaan pada 8 malam

20 Disember

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor menggerakkan lebih banyak bot, pam, jentera dan lori ke lokasi sangat memerlukan

- Setiausaha kerajaan negeri ketuai mesyuarat penyelarasan banjir kali ketiga bersama agensi kerajaan pada 12 tengah hari
- Dato' Menteri Besar ketuai mesyuarat penyelarasan banjir keempat bersama wakil-wakil rakyat termasuk pembangkang negeri pada 5.30 petang
- Seramai 32,044 mangsa ditempatkan di 162 PPS seluruh negeri dengan Klang merekod jumlah tertinggi 18,838 orang
- Operasi menyelamat dan menyalurkan terus digerakkan termasuk Team Selangor dan Sukarelawan Selangor (Serve)
- Makin ramai berjaya dipindahkan ke 203 PPS yang tempatkan lebih 30,000 penduduk (atau 4,672 ketua isi rumah)

21 Disember

Sidang media Dato' Menteri Besar, umum perkembangan terkini usaha menyelamat mangsa banjir dan fasa pembersihan pascabanjir serta pemulihan

- Bantuan Selangor Bangkit (BSB) dengan dana RM100 juta diumum:
  - RM1,000 bagi setiap keluarga mangsa banjir
  - RM10,000 bagi waris mangsa yang meninggal dunia
  - bil air selama sebulan dikecuali kepada mangsa bah
  - penangguhan bayaran balik peniaga kecil selama dua bulan
  - RM20 juta pembersihan, RM80 juta pembinaan prasarana
- Pusat penyelarasan orang ramai sebagai sukarelawan dan pusat pengurusan bantuan banjir dibuka

22 Disember

Sebanyak 192 PPS masih dibuka dengan 29,024 penduduk, tidak termasuk lokasi dan PPS yang dibuka orang awam

- Sejak air surut pada 19 Disember, pihak berkuasa tempatan dan pengendali sisa pepejal KDEB Waste Management meningkat usaha pembersihan

23 Disember

RM10 juta disediakan kepada JPS bagi naik taraf sistem saliran di Taman Sri Muda, Klang

26 Disember

Sebanyak 177 daripada 186 kawasan banjir surut

- Polis sahkan 25 orang meninggal dunia akibat banjir
- Sebelas stesen pemindahan sementara sampah pukal telah dibuka bagi percepatkan kerja pembersihan

5 Januari

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sasar beli 50,000 al-Quran bagi ganti naskhah yang musnah

7 Januari

RM40.88 juta diluluskan Kerajaan Negeri bagi projek pembersihan dan pemulihan infrastruktur

- RM4 juta disedia bagi bantu 40,000 murid terjejas banjir

20 Januari

Perdana menteri mengakui kejadian banjir yang berlaku di Selangor melebihi kemampuan jentera tindak balas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)

28 Januari

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) anggar Selangor rugi RM3.1 bilion akibat bah, kira-kira 50 peratus jumlah seluruh negara

- DOSM dapati ramai mangsa bah di Klang kembali hidup seperti biasa tidak sampai sebulan selepas bencana

4 Februari

Kerajaan timbang cadangan bina terowong saluran air banjir bawah tanah seperti di Kuala Lumpur di kawasan berpenduduk padat

‘Pintu syurga dibuka, saya lari’

Dari saf depan ketika solat Jumaat pada 15 Mac 2019, dia lari ke luar dan bersembunyi di belakang kereta di halaman belakang Masjid Al Noor, Christchurch.

Namun sahabatnya Abdul Qader, 70, tidak berganjak dari barisan depan jemaah. Berasal dari Somalia, bapa beranak empat itu yang berjaya menempuh perang saudara maut ditembak pengganas kulit putih.

“Kalau orang hendak tumpangkan dia naik kereta, dia tidak mahu; takut kurang pahala jalan kaki,” cerita Noor Yahaya Hamzah, 58, tentang semangat Abdul Qader berjalan kaki tiga kilometer ulang-alik ke masjid tersebut.

Dilahir di Tanjong Karang, beliau terdengar bunyi tembakan ketika khatib baru sahaja memulakan khutbah.

Fikirannya terus terlintas untuk lari bersama jemaah yang lain.

“Kita tidak fikir hal lain lagi, tetapi hanya fikir bagaimana mahu selamat waktu itu,” Noor Yahaya dipetik berkata sehari selepas serangan yang mengorbankan 42 jemaah di situ.

Sembilan lagi maut dalam serangan kedua di Pusat Islam Linwood, kira-kira lima kilometer dari Al Noor. Si pengganas kejam Brenton Tarrant, 28 tahun waktu itu, menembak 40 orang lagi termasuk di luar dua masjid berkenaan tetapi semuanya selamat.

Berpindah ke New Zealand pada 2017 semata-mata untuk mengganas, pemuda warga Australia itu menyiarkan secara langsung di Facebook tindakannya mulai sebelum masuk masjid.

Tarrant, kini mendekam di unit kawalan paling ketat Penjara Auckland, menggunakan dron pada 8 Januari 2019 untuk mengenal pasti selok-belok lokasi dan binaan Al Noor.

Terpengaruh ideologi perkauman kulit putih selama bertahun-tahun, pengganas ini mencari video di media sosial bagaimana keadaan masjid sebagai persiapannya menyerang.

Sewaktu lari ke luar masjid, Noor Yahaya sempat menolak seorang jemaah berkerusi roda ke tempat lebih selamat. Beliau kemudiannya menyorok di belakang kereta.

“Semua orang bersembunyi,” katanya, yang menetap di negara itu sejak 1998, kepada media tiga tahun lepas. “Tiada sesiapa mahu (pengganas) nampak.” Tembakan masih dilepaskan bertalu-talu.

Tiba-tiba seorang lelaki yang cedera lari ke arahnya. Darah ahli jemaah itu terkena jubah Noor Yahaya. Waktu itulah beliau membuat panggilan kepada abangnya di Malaysia.

“Saya beritahu abang, kalau saya meninggal dunia hari itu, dia tahu saya berada di belakang masjid. Saya sudah bersedia untuk meninggal dunia pada waktu itu,” katanya kepada Selangorkini melalui jawapan bertulis.

Selepas 20 minit, tembakan berakhir. Pengganas mahu menyerang masjid kedua, yang sudah diselidik dua bulan sebelum kejadian.

Noor Yahaya keluar dari persembunyian dan hatinya amat sebak melihat mayat bergelimpangan di dalam dan luar masjid yang dibuka mulai 1985.

Polis mengarah semua orang ramai berkumpul di Taman Hagley yang terletak di depan masjid. Mereka tidak tahu Tarrant yang sedang mabuk darah pernah melayarkan dronnya dari taman itu. Mereka juga belum sedar sembilan lagi akan menjadi mangsa.

Sehingga hari ini, Noor Yahaya masih ingat setiap detik episod hitam itu. Terdetik juga kekesalan terlepas peluang mati syahid seperti dua sahabatnya.

Pernah melanjutkan pengajian di situ pada 1980-an dan kini bekerja di pasar raya di Christchurch, Noor Yahaya mencerita kepada **AMIN RIDZUAN ISHAK** apa yang masih bermain di fikirannya setelah tiga tahun peristiwa berdarah itu berlalu.

Allah sudah pilih hamba-Nya yang mati syahid:

Allah beri peluang pada saya, dibuka pintu syurga pada masa itu tetapi saya lari. Begitulah saya diberi peluang tetapi saya sia-siakan.

Maksudnya Allah beri kita peluang (mati syahid). Hanya Allah yang tahu akan terjadinya serangan itu pada tarikh tersebut. Allah sudah pilih hamba-Nya yang mati syahid. Mereka adalah orang Islam yang terbaik. Dalam pada itu, Allah beri juga peluang pada yang lain untuk syahid, termasuk saya.

Sembunyi di belakang kereta, telefon abang:

Ketika kejadian, sewaktu tembakan masih kedengaran, saya telefon abang saya (di Malaysia) dan beritahu apa yang terjadi. Pada masa itu saya bersembunyi di belakang kereta di laman belakang masjid.

Saya beritahu abang saya kalau saya meninggal dunia hari itu, dia tahu saya berada di belakang masjid. Saya sudah bersedia untuk meninggal dunia pada waktu itu. Hendak lompat tembok tinggi enam kaki tidak lagi kuat. Manalah tahu tengah terkapai-kapai panjat tembok kena tembak pula.

Berubah selepas gempa di Christchurch 22 Februari:

Pada 2011 ada gempa bumi di sini. Selepas itu saya mula datang kerap ke masjid ini. Beberapa bulan selepas itu saya jatuh susah. Ketika itu saya menyewa rumah dan tuan rumah suruh saya keluar sebab dia hendak guna semula rumah itu.

Selepas gempa, berpuluh-puluh ribu rumah rosak dan terpaksa diroboh. Ramai tiada rumah dan sewa meningkat mendadak.

Saya tidak dapat menyewa rumah dan menumpang dalam bilik luar rumah sebesar garaj, boleh muat satu kereta. Anak-beranak duduk dalam itu. Masa itulah barulah tersedar kata-kata ‘sudah terhantuk baru terngadah’. Ketika susah baru saya sedar hendak mengadu pada Tuhan.

Amal soleh sahabat yang mati ditembak:

Saya selalu pergi masjid untuk mengaji dan solat. Itu saja yang kita boleh buat. Kalau Allah sayangkan kita, kita diberi ujian. Betul, bukan? Masa itulah saya mula rapat dengan ramai kawan-kawan (antaranya) yang mati syahid (akibat tembakan).

Amalan mereka mungkin biasa sahaja tetapi istiqamah dan buat setiap hari. Ada yang berjalan kaki dua kilometer sambil berzikir setiap hari pergi ke masjid. Datang ketika asar, selepas isyak baru balik. Nama kawan saya itu, Musa Awale (77 tahun) berasal dari Somalia.

Seorang lagi sahabat maut di hujung peluru:

Ada seorang lagi, (dia) berjalan jauh sedikit, kira-kira tiga kilometer walaupun sudah bertongkat. Kalau orang hendak tumpangkan dia naik kereta, dia tidak mahu; takut kurang pahala jalan kaki.

Sampai di masjid, dia mengaji surah-surah as-Sajdah, ad-Dukhan, ar-Rahman, al-Waqi’ah, Yaasiin dan al-Mulk. Saya ikut kata dia dan baca (surah-surah ini) setiap hari. Alhamdulillah, lapang rasa. Rupa-rupanya bahagia itu dalam hati.

Namanya Abdul Qader, juga orang Somalia. Dia meninggal dunia di saf depan dan tidak berganjak dari kerusi.

Remaja merangkak baca al-Fatihah temui ajal:

Ada seorang remaja berusia dalam lingkungan 20-an, belum pandai mengaji dan baca al-Fatihah pun masih merangkak perlahan. Tetapi dia rajin belajar. Setiap subuh, walau sejuk macam mana sekalipun, dia naik basikal datang solat selain maghrib dan isyak.

Saya pula dapat datang subuh bukan pada hari bekerja. Anda lihat, kita kena berusaha untuk beramal soleh. Tetapi saya makin lama makin perlahan. Tidak cukup usaha lagi.

Masjid Al Noor bawa ketenangan:

Sebelum kejadian, memang saya kerap solat di situ, termasuk solat Jumaat. Pada 1980-an (ketika belajar) memang saya ke sini. Selepas datang balik (berhijrah) pada 1998, memang saya solat Jumaat di masjid ini.

Saya mula kerap solat maghrib (di Masjid Al Noor) dan kalau hari tidak bekerja, subuh juga (di masjid) sejak selepas gempa bumi. Saya rasa tenang dan gembira di masjid itu. Betullah kata Nabi, masjid itu adalah taman syurga.

KEJADIAN

Bandar: Christchurch, New Zealand

Lokasi (masa): Masjid Al Noor (1.40 petang) & Pusat Islam Linwood (1.52 petang)

Tarikh: 15 Mac 2019

Penembak siar secara langsung pembunuhan melalui Facebook dan rancang ke masjid ketiga sebelum ditangkap polis

SIAPA PENEMBAK

Nama: Brenton Harrison Tarrant

Umur: 28 tahun (waktu kejadian)

Asal: Grafton, New South Wales, Australia

Pindah: menetap di Teluk Andersons, Dunedin (360km selatan Christchurch) mulai 2017 dengan niat lakukan keganasan

Senjata api: dua rifel AR-15, senapang Mossberg 930, senapang Ranger 870, rifel .357 Magnum Uberti dan .223 Mossberg Predator. Lebih 7,000 peluru

Ditangkap: di Jalan Brougham, 20 minit selepas polis terima panggilan

Rancangan: tonton video media sosial keadaan di dalam Masjid Al Noor, selain guna dron tinjau persekitaran dan laluan masjid

Ideologi: pelampau perkauman kulit putih, percaya pada Teori Penggantian Besar kononnya etnik Eropah akan dikuasai umat Islam melalui penghijrahan

Lawatan: negara-negara Asia termasuk Malaysia dan Eropah antara 2014 hingga 2017. Mula berhubung dengan kumpulan pelampau di negara-negara Eropah selain komunikasi atas talian

SIAPA MANGSA

Jumlah: 51 orang termasuk empat wanita

Siapa: paling muda Mucad Ibrahim, 3, hingga paling tua Musa Nur Awale, 77, asal Somalia

Cedera: 40 orang

Warga Malaysia: Muhammad Haziq Mohd Tarmizi, 17, terbunuh. Tiga cedera, dua selamat

PERTUDUHAN & PENGHAKIMAN

Mahkamah Daerah Christchurch
16 Mac 2019

Pertuduhan awal: membunuh

Mahkamah Tinggi Christchurch
26 Mac 2020

92 pertuduhan: mengaku salah membunuh 51 orang, cubaan membunuh 40 orang lagi dan keganasan

Keputusan: 24-27 Ogos 2020

Hakim: Cameron Mander

Hukuman: penjara seumur hidup tanpa parol, hukuman tertinggi & kes terorisme pertama di New Zealand

Apa kata hakim: “Jenayah kau ini terlalu zalim, kalaupun kau dipenjara hingga mati, ia masih tidak memadai sebagai hukumannya.”

Di mana sekarang: Unit Banduan Berisiko Paling Tinggi, penjara Auckland yang memakan kos besar dengan 18 pengawal. Digelar “penjara di dalam penjara”

REAKSI

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad (15 Mac 2019):

Malaysia sangat-sangat kesal dengan kejadian lebih 40 orang maut ditembak ketika solat Jumaat di dua masjid di Christchurch. Kami berharap kerajaan New Zealand menangkap dan mengambil tindakan terhadap pengganas itu mengikut undang-undang.

Perdana Menteri New Zealand Jacinda Ardern (27 Ogos 2020):

Trauma akibat 15 Mac tidak mudah sembuh tetapi hari ini saya berharap menjadi saat terakhir untuk kita mendengar atau menyebut nama pengganas. Dia layak (dihukum) selama-lamanya terasing sepi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (22 Mac 2019)

Tragedi menyayat hati di Christchurch yang meragut nyawa Muhammad Haziq satu titik hitam dalam sejarah kemanusiaan. Semoga Allahyarham dan 49 korban lagi ditempatkan bersama syuhada dan salehin. Takziah diucapkan kepada ahli keluarga.

Ahli Parlimen Port Dickson Datuk Seri Anwar Ibrahim (15 Mac 2019)

Saya mengutuk sekeras-kerasnya serangan kejam dan mengerikan yang berlaku pada masjid di Christchurch, New Zealand.

SIASATAN LANJUT

26 November 2020: Suruhanjaya siasatan diraja (RCI) keluarkan laporan 800 halaman dengan 44 syor termasuk pemilikan senjata api, jenayah kebencian dan agensi keselamatan serta perisikan baharu

22 Februari 2022: koroner Brigitte Windley mulakan pendengaran inkues pada atas permohonan keluarga mangsa dan badan berkaitan bagi menjawab isu yang belum ditimbul dalam RCI dan keterangan mahkamah

Sumber Berita media antarabangsa dan laporan Royal Commission of Inquiry into the Terrorist Attack on Christchurch Masjidain on 15 March 2019

Trauma tembakan

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

Setahun setengah selepas ditembak pengganas hingga tidak sedarkan diri dan terpaksa diusung ke unit rawatan rapi, Rahimi Ahmad masih teringat-ingat mayat yang bergelimpangan.

"Saya agak sukar tidur dan kadang-kadang ada lintasan jenazah-jenazah yang menindih atas badan saya, yang berada di tepi saya," katanya, 42, kepada media pada Ogos 2020.

Dalam keterangannya di mahkamah sebelum pengganas Brenton Harrison Tarrant dijatuhkan hukuman, anak kelahiran Pulau Pinang itu menjelaskan beliau sering meracau ketika tidur.

"Saya ke masjid (Al Noor) sekali sahaja selepas kejadian tembakan, tidak sanggup lagi berada di sana kerana ia mengingatkan saya pada mimpi ngeri dan isteri memberitahu saya meracau di dalam tidur," katanya di depan hakim.

Tambahnya, anaknya yang masih bersekolah rendah waktu itu sering mendapat mimpi ngeri sehingga sukar tidur selama empat bulan selepas kejadian tersebut.

"Saya rasa bersalah bawa anak (10 tahun) ke masjid pada hari itu dan saya salahkan diri sendiri atas apa yang terpaksa diharunginya," keterangannya dipetik.

Diminta mengulas insiden serangan tersebut selepas hampir genap tiga tahun, Rahimi memberitahu Selangorkini:

"(Saya) masih trauma terutama mengingatkan mangsa terkorban dan kekejaman. (Tidak pernah lagi ke Al Noor), sekarang saya solat Jumaat di tempat lain bersama-sama mangsa peristiwa 15 Mac."

Akibat keracunan daripada banyak serpihan halus peluru yang menjejaskan saraf tunjangnya, buah pinggang dan pundi kencing beliau masih dalam pemantauan doktor.

"Sehingga sekarang kaki kanan saya masih tidak dapat digerakkan (lumpuh), kaki kiri juga sentiasa sakit," katanya secara ringkas melalui jawapan bertulis.

"Saya masih menggunakan kerusi roda untuk bergerak, tidak dapat berdiri lama dan sentiasa rasa sakit dan bisa dari bahagian pinggang ke bawah. Saya masih perlu mengambil ubat-ubatan yang tinggi dos setiap hari."

Isteri beliau pula terpaksa berhenti kerja untuk menjaganya sekeluarga dan kini berniaga masakan Malaysia dari rumah di sana bagi menampung sara hidup mereka.

Walau anak pekerja kilang susu itu terselamat, dua lagi warga Malaysia Mohd Tarmizi Shuib, 49, dan Mohd Nazril Hisham Omar, 49, turut ditembak.

Sementara anak Mohd Tarmizi, 17 tahun, meninggal dunia di muncung senjata pengganas kulit putih yang menyerang dua masjid Christchurch.

Rahimi ditembak di badan dan kaki, Tarmizi pula cedera di belakang badan, manakala Nazril cedera di kaki serta belakang.

Setelah tiga tahun berlalu, Noor Yahaya Hamzah, 58, menyedari trauma tembakan yang mengorbankan 51 umat Islam dan mencederakan 40 orang tidak mudah hilang.

Terpaksa sorok tudung

Hukuman penjara seumur hidup tanpa peluang parol, hukuman paling berat di New Zealand, terhadap Tarrant, sekarang 32, tidak dapat membuang sisa kezalimannya.

"Memang masih ada yang trauma. Saya ada mendengar seorang jemaah wanita kini jarang keluar rumah," kata Noor Yahaya kepada Selangorkini tanpa huraian lanjut.

Kesan psikologi ini khususnya wanita turut disebut dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Serangan Pengganas Terhadap Dua Masjid Christchurch yang siap hujung 2020.

"Selepas serangan pengganas, (wanita) mengelak ke tempat awam dan melakukan rutin harian seperti berjalan kaki hantar anak ke sekolah atau bersiar-siar waktu petang.

"Seorang wanita menceritakan kepada kami (anggota RCI) dia kini memakai jaket berpenutup kepala setiap kali muncul di tempat awam bagi menyorok tudungnya," bab 'Life in New Zealand as a Muslim' laporan RCI dipetik.

Walau pada umumnya kira-kira 40,000 penduduk Islam, atau hampir satu peratus warga New Zealand, melihat negara itu dengan positif tetapi diskriminasi, perkauman dan sentimen anti-Islam masih berkembang.

Layanan pihak berkuasa sebelum, ketika dan selepas kejadian itu tidak banyak membantu, termasuk tidak memaklumkan kematian akibat tembakan kepada keluarga.

"Sebilangan anggota keluarga mangsa terpaksa menonton video (rakaman siaran langsung) serangan untuk mengesahkan orang kesayangan mereka terbunuh," laporan bab 'Impact of the Terrorist Attack' dipetik.

Aduan isu gangguan berunsur kaum atau agama sebelum tragedi itu didakwa tidak diendahkan sehingga umat Islam malas membuat aduan polis lagi.

Namun, menurut Noor Yahaya lagi, kawalan keselamatan di rumah-rumah ibadat mula diperketatkan. Ditanya layanan terhadap umat Islam, beliau berkata:

"Selama saya di sini (sejak 1998), layanan sama sahaja. Mungkin selepas peristiwa itu, umat Islam dapat perhatian. Ràmai ingin tahu tentang Islam. Kami masih bebas menjalani aktiviti keagamaan. Bagaimanapun pemantauan keselamatan agak ketat sekarang."

Otak menitis ke muka

Begitu juga perasaan Temel Atacocugu, 47, mangsa sembilan das tembakan termasuk di mukanya. Beliau tidak mudah tunduk pada kejahatan tersebut. Malah warga berdarah Turki itu sedang mengadakan kempen Berjalan Kaki Demi Keamanan untuk mengutip derma bagi beberapa yayasan kanak-kanak.

Seperti juga Rahimi yang berpura-pura mati, Temel yang tidak bergerak ketika pengganas itu menghampirinya kali kedua bertolak dari Dunedin, tempat tinggal Tarrant yang terletak kira-kira 360 kilometer di selatan Christchurch.

Berjalan dari Octagon mulai 29 Februari, beliau dijangka sampai ke Masjid Al Noor pada 15 Mac ini sempena tahun peringatan ketiga serangan tersebut.

Masih suka tinggal di New Zealand, dalam keterangan di depan hakim, Temel mencerita bagaimana darah dan otak mangsa di atas badannya menitis ke muka dan lehernya.

"Tidak dapat dibayangkan hidup tanpa rasa sakit seumur hidup saya. Namun saya berazam untuk pilih cara positif bagi mengatasi kesakitan ini dan menerima hakikat saya kini cacat," katanya, yang cedera bahagian gigi akibat tembakan pertama, di mahkamah.

Masyarakat Islam kebanyakannya penghijrah dari benua India, Asia Tenggara, Timur Tengah, Balkan dan Afrika. Anggaran pada 2006 menyebut jumlah mereka antara 30,000 hingga 50,000 orang.

Kebanyakan tinggal di bandar besar seperti Auckland dan Wellington sejak kedatangan sejumlah kecil pada abad ke-19. Namun rekod bancian sebelum 1874 tidak diperolehi.

Selain berniaga, menurut Noor Yahaya, majoriti bekerja sebagai buruh kasar dalam bidang 3D (kotor, bahaya dan sukar) selain pemandu teksi dan pekerja kilang.

Berkongsi kehidupan di sana, anak Selangor itu yang kini berstatus penduduk tetap menjelaskan beliau tidak menghadapi sebarang masalah, tekanan atau diskriminasi.

"Cabaran besar untuk kekal identiti Islam. Diskriminasi di sini diharamkan. Tiada gerakan anti-Islam yang wujud secara terbuka. Kerajaan juga komited melenyapkan kebencian (kaum atau agama)," katanya.

Setelah berasa pendapatannya tidak seberapa ketika bekerja di sebuah pasar raya di Shah Alam, beliau berhijrah untuk mencari sinar baharu.

"Saya berhijrah kerana kehidupan saya di Malaysia dahulu agak susah. Gaji rendah dan barang mahal, sewa mahal. Masa bekerja juga panjang," jelasnya.

"Kena kerja 48 jam seminggu, biasanya. Tempat kerja pula jauh dari rumah dan ulang-alik ambil masa lama, sampai tiga jam sehala. Kereta tidak mampu dibeli."

Pada awalnya bekerja di kilang dan hotel, namun sejak 10 tahun lalu, Noor Yahaya bertugas di bahagian stor pasar raya. Menurutnya lagi, walau kos sara hidup agak tinggi di New Zealand tetapi insentif seperti gaji minimum mengimbangi kesannya.

Mengakui ada kalanya rindu kampung halaman di Tanjong Karang, Noor Yahaya sememangnya mahu kembali ke tanah tumpah darahnya. "Memang kalau ada rezeki, saya juga ingin balik ke sana tetapi hendak duduk di kampung," katanya. ■

Kedua selepas Siti Nurhaliza

Oleh **INTAN SYUHADA AKHIR**

Walau masih baharu dalam dunia seni dengan lagu pertamanya Sakit, terbit hujung 2019, Yonnyboii tiba-tiba muncul penyanyi kedua popular selepas Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin di Spotify tahun lalu.

Pemuda 24 tahun itu popular dengan lagu Angel dalam aplikasi tersebut, antara ruang digital muzik yang terbesar di dunia dengan lebih 400 juta pendengar aktif sebulan.

Sementara Siti Nurhaliza popular dengan lagu Bukan Cinta Biasa. Beberapa penyanyi lain yang lebih terkenal seperti Hujan (lagu Jika Sempat) berada di bawah popularitinya pemuda Setapak itu.

Selain lagu itu, Salahku yang terbit pada 2020 terus melonjak Yonnyboii ke pentas seni negara. Lagu itu yang dikarang dalam masa 30 minit berjaya ke Anugerah Juara Lagu (AJL) ke-36 baru-baru ini.

Sayangnya penampilan pertama dalam pertandingan akhir Muzik-Muzik gagal meraih kemenangan.

"Saya masih ingat lagu ini saya hasilkan dalam tempoh yang sangat sekejap lebih kurang setengah jam. Saya duduk di kerusi dan ilham itu datang mengalir.

"Saya tidak sangka lagu ini digemari kerana konsepnya macam lagu bercakap. Tapi nampaknya pendengar betul-betul hayati lirik yang ditulis," katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Yonnyboii, nama pentas Muhammad Haqeem Nuriman Nor Azrin, menyifatkan kelahiran lagu tersebut sebagai magis.

"Tujuan saya menghasilkan muzik cuma satu iaitu ingin berkongsi apa yang saya rasa. Melihat kepada sokongan orang ramai kepada lagu ini, saya rasa hasrat saya sudah tercapai,"katanya.

"Pada waktu itu, saya akui memang banyak perkara yang terjadi ketika bergelar anak seni di *scene* muzik bawah tanah. Semuanya saya pendam sehingga akhirnya saya menuliskan lagu ini," cerita beliau lagi.

Berdepan sindrom kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), Yonnyboii mengakui beliau pernah dijauhi rakan-rakan. Beliau juga menjadi sasaran pembuli sejak zaman persekolahannya sehingga menyebabkannya murung.

Namun, sisi gelap yang dilalui penyanyi dan komposer kelahiran Kuala Lumpur itu sebaliknya menguatkan jiwa Yonnyboii sebagai artis muda.

Namun, tingkah lakunya yang dianggap sedikit aneh kerap menimbulkan salah faham. Bahkan, ada menganggap penyanyi itu mengambil bahan terlarang. Namun, Yonnyboii tegas menyangkal tuduhan itu.

"Bagi saya, muzik adalah cara saya untuk berdamai dengan apa yang ada dalam kepala saya. Muzik adalah hidup saya.

"Setiap pengkarya kena ikhlas dalam menghasilkan lirik dan lagu. Saya tidak menipu dalam karya saya. Bila saya sedih, lagu yang terhasil juga sedih. Begitu juga sebaliknya.

"Siapa yang dengar lagu-lagu saya, mereka sedang membaca diari saya," tambahnya, yang mendirikan rumah tangga tahun lalu.

Meski tidak menang ketika tampil di pentas akhir AJL, anak muda itu berjaya memberi persembahan terbaik sehingga mengundang perhatian peminat seni tanah air.

Yonnyboii mula bergiat dalam bidang muzik pada usia remaja enam tahun lalu. Tiga tahun kemudian, Sakit nyanyiannya bersama penyanyi rap Zynakal hingga kini meraih 48 juta tontonan di YouTube.

Karya berkenaan menduduki carta RIM sebagai lagu yang paling banyak distrim selama 14 minggu berturut-turut dan kekal hingga minggu ke-35. Ia juga berjaya mara ke separuh akhir AJL35.

Bagi mengukuhkan kerjaya muziknya, Yonnyboii bekerjasama dengan Caprice menerusi lagu Takut pada 2019, Azlan & The Typewriter (Kelabu) serta Dayang Nurfaizah, Faizal Tahir dan Tuju K-Clique (X Missing You), semuanya pada 2020.

Beliau juga menulis lirik lagu hip hop Jangan Keluar dendangan bersama 16 artis naungan Universal Music Malaysia, antaranya Hafiz Hamidun, Alvin Chong, Shila Amzah, Sophia Liana, Rabbit Mac dan Malik Abdullah.

Foto ihsan Universal Music Malaysia

SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Naeem Raffi
Faridzwan Abdul Ghafar

Penolong pengarang portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Afix Redzuan

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

MediaSelangor
Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Lebih 100,000 dibantu

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

Seminggu selepas Bantuan Selangor Bangkit (BSB) diumum, Kerajaan Negeri terus menghulurkan bantuan RM1,000 bagi setiap keluarga mangsa bah yang berada di pusat pemindahan sementara.

Diumum pada 21 Disember, tiga hari selepas banjir besar, BSB memberi manfaat kepada 114,081 ketua isi rumah, tidak termasuk 13 keluarga waris korban yang menerima sumbangan RM10,000.

Setakat 28 Februari, Klang mencatat jumlah penerima paling ramai iaitu 60,427 isi rumah diikuti Petaling (20,948 penduduk) dan Kuala Langat (10,904 orang). Sebanyak 7,834 keluarga di Hulu Langat 6,878 (Sepang), 5,915 (Kuala Selangor) dan 1,041 (Gombak) turut mendapat bantuan tersebut.

Enam keluarga mangsa korban di Klang menerima sumbangan, diikuti Sepang (tiga), Hulu Langat (dua), masing-masing satu di Kuala Selangor dan Kuala Langat.

Selain meringankan beban keluarga, Kerajaan Negeri turut bertungkus-lumus menggerakkan usaha membersih sisa banjir dari rumah dan premis perniagaan.

Diketuai KDEB Waste Management (KDEBWM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT), sebanyak 141,186.84 tan metrik sampah dibersihkan dalam tempoh sebulan pertama.

KDEBWM mengutip 48,589.95 tan metrik diikuti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp WM) yang mengangkut keluar 33,200 tan metrik sampah.

PBT yang mengurus kawasan-kawasan yang dilanda banjir mengeluar banyak sampah, antaranya Majlis Perbandaran Kajang mengutip 19,631.56 tan metrik, Majlis Bandaraya Shah Alam (18,973 tan metrik) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (18,727 tan metrik).

Pengurusan sampah pukal pascabanjir dijangka berakhir pada hujung bulan ini.

Untuk memulih prasarana awam, enam agensi terlibat, antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Pengurusan Air Selangor (Air Selangor).

Kerajaan Negeri menyediakan RM45.86 juta kepada JPS untuk membaiki ban, tebing dan pintu air, selain membersih saliran air daripada sisa banjir teruk.

Pembaikan jalan raya pula menelan RM23.022 juta, termasuk RM14.62 juta di Hulu Langat untuk kerja baik pulih jalan, tebing dan cerun.

Untuk keselesaan umat Islam, Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntuk RM7.5 juta bagi membantu memulihkan 150 buah masjid, surau dan sekolah agama yang rosak kerana banjir.

Tabung wakaf al-Quran diwujudkan bagi menggantikan naskhah yang rosak dengan pembelian 50,000 unit kitab suci dengan belanja RM1.5 juta.

Pendek kata, sesuai dengan slogan Kerajaan Negeri, Selangor segera bangkit daripada tragedi banjir untuk muncul sebagai wilayah yang tahan uji waima wabak Covid-19 atau bencana alam.

Gerak kerja pengurusan banjir

(maklumat sehingga pertengahan Januari kecuali dinyatakan tarikh lain)

Petugas
21,784 orang

Sukarelawan
50,000 orang

Bantuan Selangor Bangkit
114,081 keluarga dapat RM1,000
13 waris terima RM10,000
(setakat 28 Februari)

Aset
3,503 aset atau logistik digerakkan

Kebajikan
227 pusat pemindahan banjir (PPS) tempatkan 11,237 keluarga atau 47,762 orang

Pembersihan sampah banjir
- KDEB Waste Management: 48,589.95 tan
- SWCorp: 33,200 tan
- Majlis Perbandaran Kajang: 19,631.56 tan
- Majlis Bandaraya Shah Alam: 18,973 tan
- Majlis Bandaraya Subang Jaya: 18,727 tan
- Majlis Perbandaran Klang: 9,065.33 tan
- **jumlah:** 148,186.84 tan metrik

Prasarana dipulih
367 menara telekomunikasi
1,407 pencawang elektrik

Kematian
25 orang (termasuk 6 warga asing)

Wabak koronavirus
37 positif sebelum ke PPS
209 positif ketika disaring

DARI MUKA 9

Apakah bentuk pembangunan yang sesuai untuk negara pada masa depan bagi mengelak kerugian akibat bencana?

Panel Perubahan Iklim Antara Kerajaan (IPCC), bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ada meramalkan kebarangkalian cuaca ekstrem akan meningkat susulan pemanasan global pada masa ini. Kita lihat seluruh dunia terkesan.

Atas sebab itu, kerajaan dari sekarang harus bersedia menghadapi kemungkinan sekiranya bencana alam seperti banjir bakal berulang pada masa depan. Kalau hendak buat projek mitigasi banjir, adakah kita hendak bina satu lagi Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (Smart)? Gabung dengan Horas? Atau buat kolam takungan seperti Taman Wetland Putrajaya?

Dalam situasi di Selangor, saya minta kerajaan pusat melihat keperluan negeri itu kerana Selangor penyumbang utama ekonomi negara. Pelabuhan Klang yang terjejas akibat banjir tempoh hari penting kepada Malaysia untuk menarik pelabur.

Ada dakwaan mengatakan sistem amaran di Malaysia lambat untuk disebar kepada orang ramai, apa komen Datuk?

MetMalaysia dan JPS mempunyai sistem amaran masing-masing kerana memantau aspek berasingan. Lazimnya kalau banjir di daerah, maka pegawai daerah harus menjadi ketua. Manakala di peringkat negeri pula, menteri besar atau ketua menteri dan perdana menteri pula bertanggungjawab di peringkat kebangsaan.

Pada kejadian (hujan dan banjir) 17 hingga 19 Disember 2021, bukan sahaja Selangor terjejas tetapi beberapa negeri antaranya Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Jadi perkara ini bawah (tanggungjawab) kebangsaan. Masalahnya, pada tiga tarikh itu kawasan terjejas banyak di Pantai Barat, bukan Pantai Timur yang persediaan rapi sudah dilakukan.

Contohnya di Johor dahulu apabila banjir besar berlaku (hujung 2006 dan awal 2007), kajian kita dapati mereka tidak mampu mengendali pengurusan banjir kerana telah lama (Johor) tidak berdepan situasi itu. Jadi kurang kekerapan (banjir) itu menyumbang kepada ketidaksediaan.

Satu lagi kepadatan penduduk. Kita di Lembah Klang ada tujuh juta orang. Bukan mudah hendak menyelaraskan pengurusan sehingga menjadi cacamarba. Tuding-menuding dan salah-menyalah tidak seharusnya berlaku, sebaliknya cari cara selesai masalah.

Harus ambil iktibar banjir besar di Kuala Lumpur pada 1971. Mereka ambil langkah buat projek mitigasi banjir. Selangor juga harus ada kerana status sebagai penjana ekonomi negara.

Di Malaysia, kita tidak buat seperti di luar negara. Contohnya di Thailand, pihak berkuasa akan memastikan Bangkok tidak akan terjejas akibat banjir dengan melepaskan air ke kawasan pedalaman. Mereka akan pertahankan dan tidak mahu Bangkok tenggelam kerana ia pusat ekonomi.

Kena manfaatkan juga kolam dan tasik tinggalan perlombongan timah yang boleh menjadi takungan untuk melepaskan air dengan segera.

Adakah sebarang teknologi yang boleh diguna untuk memperbaik sistem ramalan cuaca dan amaran?

Sebenarnya selepas banjir besar 2014 (di Pantai Timur), kerajaan memang melaksanakan pelbagai langkah dengan memberi geran kepada universiti untuk buat kajian dan dana RM60 juta untuk tingkat sistem ramalan cuaca.

Cuma saya rasa masalah sekarang adalah ketiadaan pengurusan memori (kemahiran pegawai) kerana struktur jabatan kita. Orang yang ada pengalaman dan kepakaran akan dipindahkan untuk kenaikan pangkat.

Contohnya, seorang pegawai berpengetahuan menguruskan banjir dan pernah dihantar kursus ke luar negara. Tetapi apabila naik pangkat, pegawai terbabit buat kerja lain pula. Kita di sini naik pangkat untuk jadi pentadbir, bukan profesional.

Jadi kepakaran itu hilang. Kelemahan ini kami kesan ketika mengkaji masalah pengurusan banjir pada 2014. Apabila kami tanya siapa pegawai yang mahir menguruskan banjir?

Ada pegawai kata, dialah orangnya tetapi sudah naik pangkat menjadi timbalan pengarah.

Wawancara lebih panjang diterbitkan di selangorkini.my
Untuk baca, imbas di sini

KEMPEN... Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Datuk Seri Anwar Ibrahim berkempen membantu calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Layang-Layang Dr Maszlee Malik di Simpang Renggam pada 3 Mac. Seramai 20 calon bertanding atas tiket KEADILAN dalam PRN Johor pada 12 Mac. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Tangguh semua projek mega

Segera bina tebatan banjir di ibu negara

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Kerajaan persekutuan perlu memberi keutamaan dalam menyelesaikan masalah banjir di ibu negara dengan menyegerakan projek tebatan banjir.

Pernah membangkitkan hal berkenaan di Dewan Rakyat pada 20 Januari, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan perparitan dan projek bandar takungan air (sponge city).

Menggesa kerajaan supaya menangguhkan semua projek mega yang menelan belanja berbilion ringgit, ketua pembangkang menjelaskan perparitan dan projek tebatan juga menelan kos tinggi.

"Namun, keutamaan segera mesti ada untuk selesaikan masalah ini (banjir)," katanya pada 8 Mac.

Anwar turut mengingatkan bah di Kuala Lumpur pada 7 Mac menjejaskan ribuan pengguna jalan raya dan sebahagian penduduk yang menetap di kawasan terpinggir.

Hujan lebat luar biasa kira-kira jam 3 petang menyebabkan banyak kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor dinaiki air.

Menteri alam sekitar dan air berkata hujan lebat luar biasa dalam tempoh dua jam menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti aliran air.

Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata purata hujan bagi tempoh sebulan adalah 200 milimeter (mm), namun petang 7 Mac hujan lebat dalam masa dua jam melebihi 100 mm.

Projek tebatan banjir di Kuala Lumpur yang dijangka siap tahun ini ditangguh ke 2024 kerana masalah kontraktor.

Penangguhan itu berlaku ketika banyak kawasan di ibu kota dilanda banjir kilat dalam tempoh tiga bulan, terbaru pada 7 Mac.

Benar keluar KWSP, naikkan gaji

SHAH ALAM - Ketua pembangkang mendesak kerajaan membenarkan pencarum mengeluar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setelah tiada azam untuk membantu rakyat.

"Setelah kita melihat kerajaan seolah-olah tidak ada jalan untuk merungkai kegagalan ini, saya kini mendukung agar pengeluaran ini dibenarkan sesegera mungkin," kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam kenyataan pada 9 Mac, beliau kecewa terhadap kerajaan khususnya menteri kewangan yang didakwanya "tidak mempedulikan" desakan tersebut.

Beliau juga berkata rungutan rakyat yang terdesak mahu menggunakan wang tersebut makin kerap didengarnya sepanjang kempen ketika pilihan raya negeri (PRN) Johor.

Sementara itu dalam kempennya di Kota Tinggi pada 3 Mac, Anwar juga menggesa kerajaan segera melaksanakan gaji minimum tanpa tunduk kepada keengganan syarikat besar.

"Saya tanya perdana menteri mengenai gaji minimum, dia jawab syarikat-syarikat besar tidak mahu bagi, sebab susah. Dia (syarikat) untung tiga, empat bilion ringgit setahun tetapi kata tidak boleh.

"Kena tanya orang bawah, kena tanya pekerja kilang, jangan tanya tauke. Untung berbilion ringgit, apa untungnya bagi pekerja? Kerajaan ini jaga orang kaya sahaja," katanya ketika berceramah dalam kawasan kerusi Johor Lama.

Pengundi atas pagar belum buat pilihan

SHAH ALAM - Semua parti termasuk Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) berdepan teka-teki susulan kebanyakan pengundi khususnya mereka yang pertama kali membuang undi belum menunjukkan kecenderungan mereka dalam pilihan raya negeri (PRN) Johor.

Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin percaya cabaran tersebut dirasai semua parti sekali gus peluang terbuka kepada semua pihak.

Ahli parlimen Hang Tuah Jaya menjelaskan jentera KEADILAN kini mempergiat kempen terhadap pemilih baharu dan pengundi di atas pagar bagi memastikan sokongan mereka.

"Contohnya di DUN Rengit, kita kalah tetapi apabila Barisan Nasional (BN) letak Datuk Mohd Puad Zarkashi, kita tengok sentimen orang muda berbeza dan beri harapan untuk calon kita (Khairuddin A Rahim," katanya pada 8 Mac.

Contohi Selangor perkasa wanita

AYER HITAM - Calon Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mahu mencontohi Selangor yang giat melaksanakan program memperkasa wanita jika menang pada pilihan raya negeri (PRN) Johor.

Haryati Abu Nasir, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Semarang berkata Selangor membuktikan wanita mampu menjana pendapatan walaupun hanya seorang suri rumah.

"Ramai wanita di Selangor tidak bekerja tetapi bila ada program memperkasa wanita, nasib mereka diubah menerusi latihan hingga mampu menjana pendapatan.

"Tidak mustahil apa yang dibuat di Selangor boleh dilaksana di Johor," katanya pada 3 Mac.

Haryati berdepan Datuk Samsolbari Jamali, iaitu calon Barisan Nasional (BN) yang juga penyandang, selain Adzlan Raju (Pejuang) dan Shazani A Hamid (Perikatan Nasional).

Pemilihan parti dalam Aplikasi Adil

SHAH ALAM - Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Aplikasi Adil untuk digunakan dalam proses pemilihan parti pada Mei.

Beliau yang juga ketua pembangkang menjelaskan KEADILAN adalah parti politik pertama yang menekankan aspek digital sebagai medium pemilihan pimpinan.

"Saya tegaskan pemilihan kali ini perlu bagi memantapkan organisasi parti untuk mendepani pilihan raya umum akan datang. Proses ini tidak boleh ditangguh kerana kuasa memilih terletak di tangan anggota parti," katanya pada 4 Mac.

16 lokasi bazar babit 764 penjual

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) meluluskan permohonan 764 peniaga bazar Ramadan membabitkan 16 lokasi tahun ini.

Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Johary Anuar berkata jumlah itu bertambah berbanding tahun lalu dengan hanya sembilan lokasi bazar membabitkan 421 peniaga.

"Alhamdulillah tahun ini kita menerima permintaan yang tinggi dan semua bazar ini juga diuruskan sepenuhnya MBSJ tanpa melantik mana-mana badan penganjur atau pihak ketiga," katanya pada 8 Mac.

Terdahulu, beliau merasmikan Karnival Bazar Ramadan MBSJ di Puchong Indah di sini.

Ban pecah, tidak limpah ke kediaman

SHAH ALAM - Sebuah ban berhampiran pintu kunci air di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini pecah dipercayai akibat hujan lebat pada 2 Mac.

Pengarah Bomba Selangor Norazam Khamis berkata pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian daripada penduduk pada 8.15 malam sebelum anggota Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam tiba di lokasi 14 minit kemudian.

"Keadaan di lokasi terkawal. Kerja pembaikan dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran," katanya.

Norazam berkata pihaknya turut menggerakkan lima bot ke lokasi kejadian sebagai langkah berjaga-jaga.

"Tiada limpahan air ke kawasan kediaman penduduk," katanya. – BERNAMA

Sita struktur menara telekomunikasi

SHAH ALAM - Bahan binaan struktur menara telekomunikasi milik syarikat swasta disita Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) berikutan pemiliknya mengabai notis pihak berkuasa tempatan itu.

Yang Dipertuanya Mohd Hasry Nor Mohd menjelaskan bahan binaan tersebut diletak di tempat awam di Kampung Asam Kumbang, Kuala Kubu Bharu tanpa kebenaran.

"Kita dapati syarikat terbabit masih tidak mengalihkan bahan binaan terbabit, walaupun notis awal sudah dikeluarkan pada 14 Januari lalu.

"Tindakan menyita terpaksa dilakukan kerana mereka gagal mematuhi notis terbabit," katanya pada 2 Mac.

Operasi itu dijalankan mengikut Seksyen 46(3) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 oleh kakitangan jabatan bangunan, penguatkuasa dan panel kontraktor.

850 lesen sementara buat peniaga

SUBANG JAYA - Sebanyak 850 lesen sementara dikeluarkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kepada penjaja tanpa lesen dan golongan terjejas akibat penularan Covid-19 untuk menjalankan perniagaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir menjelaskan pemberian tersebut selaras hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat di Selangor bangkit semula.

"Kita beri peluang perniagaan kepada penduduk dan peniaga yang terjejas dengan memberikan mereka lesen sementara selain menyediakan tempat bersesuaian.

"Kita galakkan mereka yang ingin berniaga supaya memohon. Kita bertanggungjawab supaya perjalanan ekonomi penduduk di Petaling Jaya teratur," katanya pada 3 Mac.

Pada 21 Februari, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han memaklumkan Kerajaan Negeri mengeluarkan lebih 10,000 lesen sementara kepada penjaja tanpa lesen dan golongan terkesan Covid-19.

Pada 17 Disember tahun lalu, tempoh pemberian lesen sementara kepada peniaga kecil dilanjutkan enam bulan lagi sehingga Jun ini.

Inisiatif itu yang sepatutnya tamat akhir tahun lalu diteruskan untuk membantu individu yang ingin berniaga kerana terjejas akibat pandemik.

Pemberian itu kepada peniaga tidak berlesen dan golongan terjejas dibuat sejak Ogos tahun lalu. Pihak berkuasa tempatan hanya perlu memastikan tapak niaga bersesuaian, menjamin keselamatan serta tidak mendatangkan kacau ganggu.

Nilai kestabilan struktur tanah

Kerja baiki tebing runtuh siap April

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

GOMBAK - Kerja pembaikan tebing di Pangsapuri Teratai, Bandar Baru Selayang yang runtuh berikutan hujan lebat Disember lalu dijangka selesai sepenuhnya pada akhir April depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Gombak Nor Azlina Abdul Aziz berkata kontraktor lantikan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) giat menjalankan kerja mengukuhkan tebing berhampiran bangunan tersebut.

Beliau berkata Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan menilai struktur tebing sebaik kerja penstabilan siap sebelum penghuni dibenar kembali ke kediaman masing-masing.

"Kita cuba percepatkan proses (pengukuhan tebing). Insya-Allah akhir April boleh siap 100 peratus. Selepas itu, JMG akan dipanggil untuk buat siasatan sama ada masih berlaku pergerakan atau sebaliknya," katanya pada 6 Mac.

Nor Azlina berkata Dewan Sri Siantan yang dijadikan pusat pemindahan sementara hanya menempatkan beberapa keluarga terjejas manakala selebihnya menyewa atau menumpang rumah saudara-mara.

Pangsapuri Teratai antara enam lokasi dalam pentadbiran MPS yang perlu pembaikan segera akibat tebing runtuh berpunca hujan lebat pada 18 Disember.

Kerajaan Negeri turut menghulur sumbangan RM1,000 melalui inisiatif Selangor Bangkit kepada penghuni pangsapuri yang terpaksa mengosongkan kediaman. Jumlah sama turut diberi kerajaan pusat melalui Bantuan Wang Ihsan.

4,807 premis kena tindakan

SHAH ALAM - Lima jabatan bawah Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) diberi tanggungjawab untuk memantau premis haram di Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung.

Yang dipertuanya berkata Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Pelesenan terlibat dalam proses itu.

"Baru-baru ini, MPHS menubuhkan pasukan petugas operasi pematuhan perniagaan bagi memantau premis perniagaan dan perindustrian beroperasi tanpa lesen termasuk bangunan kosong di lokasi itu.

"Berdasarkan rekod, ada 4,807 premis yang disyaki tidak ada lesen perniagaan iaitu 2,259 di Bukit Sentosa dan 2,548 (Bukit Beruntung)," kata Mohd Hasry Nor Mohd dalam kenyataan.

Beliau juga menegaskan pasukan berkenaan diberi kuasa untuk bertindak jika pemilik premis tiada lesen perniagaan dan menggaji pekerja warga asing.

"Pemilik yang membuat pengubahsuaian bangunan dan meletak barang di kaki lima premis termasuk menternak burung walit tanpa kebenaran juga boleh dikenakan tindakan," katanya.

Kastam patah cubaan seludup

KLANG - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) mematahkan cubaan menyeludup enam kontena minuman keras dianggarkan RM396,000 menerusi beberapa serbuan di Pelabuhan Utara pada Februari.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam Malaysia (Penguatkuasaan/ Pematuhan) Datuk Abdullah Jaapar berkata kira-kira 155,040 liter minuman keras dirampas dalam serbuan yang dijalankan di sekitar Pelabuhan Utara di sini antara 14 dan 22 Februari.

Katanya, turut ditahan seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang dipercayai bertindak sebagai ejen.

"Ada di antara barang tersebut diletakkan di sebalik barang lain bertujan untuk mengaburi mata pihak berkuasa ketika pemeriksaan dibuat," katanya pada 4 Mac.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya. – BERNAMA

Mohamad Azhan (kanan) menyampaikan baucar persekolahan di Pasaraya Mydin Subang Jaya, Petaling Jaya pada 3 Mac. Foto HAFIZ OTHMAN

MBPJ agih baucar persekolahan

65 keluarga B40 terima manfaat

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SUBANG JAYA - Sebanyak 65 keluarga keluarga berpendapatan rendah (B40) menerima baucar persekolahan RM300 daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi program Jom Shopping Kembali ke Sekolah pada 3 Mac.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir menjelaskan pihaknya memperuntuk RM19,500 untuk penerima membeli kelengkapan antaranya baju, seluar, kasut dan alat tulis.

"Agihan baucar kepada keluarga B40 dimulakan sejak 2002. Bantuan ini kita beri sebelum mereka memulakan sesi persekolahan.

"Program ini bertepatan misi MBPJ yang merancang menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan bermula 2020," katanya selepas mengagih baucar itu di Pasaraya Mydin USJ di sini.

Mohamad Azhan berkata program itu juga selaras konsep 10 Program Berimpak Tinggi (10 Thematic Project) yang memberi tumpuan kepada pembangunan golongan miskin bandar dan kesejahteraan masyarakat.

Suri rumah Noorlaila Mat Jelani, 36, terharu dengan bantuan itu ekoran pendapatan keluarganya terjejas sejak suaminya terbabit dalam nahas dan tidak mampu bekerja.

"Kemalangan menyebabkan kaki suami saya patah, selain cedera pada tangan kanan menyebabkan beliau tidak boleh bekerja.

"Kini kami sekeluarga bergantung pada gaji asas suami yang bekerja di sebuah hotel di Subang Jaya," katanya.

Pemandu teksi Mohd Ali Sharif, 51, yang pendapatannya terjejas akibat wabak Covid-19 bersyukur berikutan beban perbelanjaan persekolahan empat anak dapat dikurangkan hasil bantuan itu.

Pasang cerucuk atasi mendapan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengarahkan jabatan kejuruteraannya untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan di lokasi kejadian tanah runtuh berhampiran Pangsapuri Suria, Taman Kinrara 4, Puchong.

Arahan itu dibuat susulan lawatan Datuk Bandar Subang Jaya, Dato' Johary Anuar, Timbalan Datuk Bandar Mohd Zulkurnain Che Ali dan Ahli Dewan Negeri Kinrara, Ng Sze Han ke kawasan terbabit pada 8 Mac.

MBSJ dalam kenyataan di Facebook berkata hasil pemeriksaan mendapati kejadian itu berpunca daripada peningkatan paras air di parit utama akibat hujan lebat.

"Hujan lebat telah menolak tembok ke dalam rezab parit utama.

"Oleh itu, jabatan kejuruteraan MBSJ sudah diarah untuk memasang kepingan cerucuk besi sepanjang 50 meter bagi menstabilkan keadaan tanah dalam kadar segera," katanya.

Jualan murah setiap Sabtu, Ahad

SHAH ALAM - Program jualan murah barangan keperluan harian diteruskan pada setiap Sabtu dan Ahad sepanjang Mac di beberapa lokasi strategik bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

Pengguna berpeluang mendapatkan barangan antaranya ayam, telur ayam, sayur, bawang, cili kering, gula, minyak masak, tepung gandum, beras, makanan dalam tin dan barangan proses pada harga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran.

Menurut pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, program melibatkan pemain industri peruncitan negeri ini bertujuan menangani situasi pergerakan harga barang.

"Program ini diharap menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk merancang pembelian dan membuat pilihan bijak bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan isi rumah," kata Muhamad Zikril Azan Abdullah.

Boleh tebus bayaran kupon parkir

SUBANG JAYA - Individu termasuk ejen yang membeli kupon parkir bergores Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dibenar membuat tuntutan bayaran balik.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata tuntutan boleh dibuat di pejabat Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

"Semua pihak termasuk ejen iaitu kedai yang menjual kupon parkir bergores boleh membuat tuntutan bayaran.

"Ini bermakna mereka tidak akan rugi apa-apa dan boleh mendapatkan semula wang mengikut harga yang dibeli," katanya pada 3 Mac.

Lupus barang lama percuma

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan program pelupusan perabot, barangan elektrik serta pelbagai jenis barangan lama secara percuma mulai 5 hingga 27 Mac.

Program sempena sambutan Aidilfitri menerima perabot termasuk sofa, kerusi, meja, almari, katil, tilam dan jenis barangan yang masih dalam keadaan baik.

"Turut diterima barangan elektrik seperti peti ais, mesin basuh, televisyen dan radio. Kita juga menerima basikal yang sudah lusuh atau tidak digunakan.

"Barangan yang diperbuat daripada besi seperti buaian juga turut diterima selain kaca seperti akuarium, pasu, lampu dan lain-lain," menurut kenyataan MBPJ.

MBPJ turut mengingatkan hanya barangan yang mengikut spefikasi diterima pada hari kutipan dan mereka tidak menerima barangan kaca yang pecah.

Lebih 600 murid perlu bergilir

SHAH ALAM - Sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid melebihi 600 orang bakal melaksanakan kelas bersemuka dan penggiliran, kata menteri kanan pendidikan.

Datuk Dr Radzi Jidin berkata murid yang hadir tanpa penggiliran melibatkan prasekolah, tahun 1, 2, 6 serta murid bawah program rancangan makanan tambahan (RMT).

Beliau menjelaskan sesi tanpa penggiliran turut melibatkan murid berkeperluan khas di sekolah kebangsaan pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi.

"Manakala untuk murid tahun 3, 4 dan 5 pula mereka perlu hadir ke sekolah secara penggiliran mengikut jadual ditetapkan pihak sekolah," katanya pada 5 Mac.

Tangani isu beban beg berat

KUALA LUMPUR - Kementerian Pendidikan akan memperincikan isu beg berat murid secara mendalam dan merangka penyelesaian menyeluruh memandangkan pendekatan yang diambil sebelum ini belum dapat menangani sepenuhnya isu itu.

Kementerian Pendidikan pada 3 Mac memaklumkan pihaknya komited untuk memastikan aktiviti pembelajaran murid sentiasa berada dalam keadaan kondusif.

"Ini adalah penting bagi membolehkan pendekatan yang akan dilaksanakan dapat menyelesaikan isu beg berat secara tuntas," kata kementerian. – BERNAMA

Masjid Klang Gate siap dinaik taraf

SHAH ALAM - Masjid Klang Gate, Hulu Kelang yang ditutup lebih tiga tahun untuk projek pembinaan semula sejak Februari 2018 bakal beroperasi semula tidak lama lagi.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata pembinaan rumah ibadat itu siap sepenuhnya pada 20 Disember membabitkan kos lebih RM19.5 juta.

Beliau menambah masjid berkenaan disiapkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dan diserah kepada Jais pada 2 Mac.

"Jais berharap ia dapat memberi keselesaan kepada penduduk setempat untuk menunaikan ibadah, selain menjadi pusat setempat menuntut ilmu, kegiatan ekonomi dan sosiobudaya," katanya pada 3 Mac.

Selain ruang solat utama yang mampu memuatkan 2,000 jemaah pada satu-satu masa, masjid itu dilengkapi bilik pengurusan jenazah, pejabat pentadbiran, empat unit kuarters bilal dan imam serta 50 parkir kereta dan 70 untuk motosikal.

Dana buat lapan sekolah terjejas

SHAH ALAM - Yayasan Selangor memperuntuk RM72,500 sebagai bantuan kepada pelajar, guru dan sekolah yang terjejas banjir pada Disember lalu.

Bantuan disalur kepada 244 pelajar dan tujuh guru serta lapan sekolah di bawah tajaannya.

"Walaupun tragedi bah sudah lama berlalu, pihak kami amat bersimpati dan terpanggil untuk meringankan beban pelajar, keluarga, guru dan sekolah yang ditimpa bencana itu.

"Justeru, hasil sokongan dan sumbangan rakan yayasan serta pihak korporat yang prihatin, Yayasan Selangor berjaya mengumpulkan dana sejumlah RM72,500 untuk disalurkan kepada mangsa terlibat," menurut kenyataan pada 4 Mac.

Yayasan Selangor turut berterima kasih kepada Yayasan Kelantan Darulnaim dan TWA (Malaysia) Sdn Bhd yang memberi sumbangan bagi membantu mangsa bah di Selangor.

Sebanyak RM56,000 wang sumbangan diserah kepada wakil Jabatan Pendidikan Negeri Selangor manakala RM16,500 lagi kepada Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor pada 1 Mac untuk diagih kepada mangsa.

Beri manfaat 389 pelajar

Dana negeri bantu kuasai dunia digital

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

HULU LANGAT - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) menerima suntikan dana lebih RM95,000 bagi menjayakan program kemahiran sains, teknologi dan inovasi (KSTI) pada Disember lalu.

Rektornya Prof Madya Datuk Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata peruntukan bawah Jawatankuasa Tetap Pembudayaan Inovasi dan Smart Selangor memanfaatkan 389 pelajar keluarga berpendapatan rendah (B40) peringkat menengah di seluruh negeri.

Katanya, pelajar didedahkan dengan modul latihan bertema pencarian harta harun digital menggabungkan kaedah pembelajaran berbalik (flipped-classroom) dan berasaskan masalah secara maya.

Berterima kasih kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari atas pemberian geran itu, beliau berharap penganjuran kursus berkaitan sains, teknologi dan inovasi memberi manfaat kepada pelajar.

"Pendedahan awal ini penting bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan pelajar B40 berikutan pelaksanaan norma baharu akibat Covid-19, yang memaksa mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)," katanya.

Dr Mohd Farid Ravi juga menjelaskan program itu bertujuan merangsang kreativiti pelajar dengan menyelesaikan masalah menerusi penggunaan aplikasi terkini.

Teks ucapan beliau dibaca Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Kuis Dr Abdul Razif Zaini.

Kaedah hibrid untuk pelajar B40

HULU LANGAT - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) menggunakan kaedah hibrid bagi menjayakan program kemahiran sains, teknologi dan inovasi (KSTI) bagi memenuhi keperluan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

Ketua program KSTI berkata kaedah pembelajaran berbalik (flipped-classroom) dan berasaskan masalah secara maya sebelum ini dilihat membebankan pelajar kurang berkemampuan yang tiada kemudahan peranti pintar dan internet.

"Bukan semua pelajar B40 ada telefon bimbit, komputer riba dan akses tersebut walaupun manfaat berkaitan boleh diperoleh dengan mudah melalui dalam talian.

"Jadi, sebahagian pelajar yang dikenal pasti dikumpulkan di Kuis dan berpeluang timba ilmu secara bersemuka dengan tenaga pengajar," kata Dr Md Rozalafri Johori ketika merasmikan majlis penutup KSTI 2021 di sini pada 4 Mac.

Dr Md Rozalafri yakin langkah itu mampu menarik penyertaan lebih ramai pelajar pada program yang dijangka berlangsung pertengahan tahun ini.

"Sebelum ini, 389 pelajar tingkatan tiga dan lima sertai program ini. Jadi, kita jangka pertambahan pelajar dengan sasaran pelajar tingkatan dua dan empat pula.

"Pelajar tingkatan tiga dan lima masih boleh menyertai kerana sasaran tersebut mengambil kira mereka yang mungkin sibuk dengan persiapan menghadapi Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Beliau juga memaklumkan pihaknya menghantar kertas cadangan kepada Kerajaan Negeri memohon dana tambahan bagi menjayakan program dalam skala lebih besar.

Mais sedia khidmat urus harta, wasiat

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) membuka kaunter informasi bagi membantu pengurusan harta baitulmal sepanjang Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) 2022.

Kaunter dibuka dari jam 10 pagi hingga 9.30 malam di Pusat Konvensyen Shah Alam memberi peluang kepada pengunjung mengetahui perkhidmatan ditawarkan.

"Orang ramai hadir untuk memperoleh pelbagai maklumat berkaitan pengurusan wasiat, hibah, harta pusaka, faraid, fidyah, harta luqatah dan wang syubhah.

Persidangan halal yang julung kali diadakan turut disertai anak syarikat Mais iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Berlangsung selama tiga hari mulai 4 Mac, Selhac menampilkan tiga komponen iaitu forum, ekspo dan padanan perniagaan.

Sebanyak 100 pempamer daripada 40 syarikat mengambil bahagian dalam persidangan itu membabitkan kluster makanan, farmasi, kecantikan, pelancongan, fesyen dan bahan halal.

KAWAL... **Penyerang Selangor MAC Ekmal Shahrin (kanan) diasak pemain Shah Alam City Farhan Baahrim (kiri) dalam aksi Cuckoo Liga Premier Futsal Malaysia (MPFL) di Kompleks Sukan Negara Panasonic Shah Alam pada 6 Mac. Selangor MAC menang 1-0 dan dinobat juara Cuckoo MPFL. Foto Facebook Selangor MAC**

Jelajah Selangor Xtiv Virtual bermula

Misi cari bakat baharu e-sukan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KUALA LANGAT - Kerajaan Negeri melancarkan Jelajah Selangor Xtiv Virtual khusus untuk belia bagi mencari bakat pemain e-sukan selain merapatkan hubungan dengan golongan tersebut.

EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman berkata banyak program dapat dianjur bagi mencungkil bakat mereka termasuk silat dan beberapa pertandingan e-sukan lain menerusi program jelajah itu.

"Program ini yang pertama untuk generasi muda dan perlu diteruskan kerana belia sudah lama tidak ada aktiviti jelajah seperti ini selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya pada 5 Mac.

Beliau melancarkan program berkenaan di Dataran Morib di sini. Hadir sama, Ahli Dewan Negeri Morib Hasnul Baharuddin.

Mohd Khairuddin juga berpuas hati dengan program penganjuran sulung jelajah itu tetapi mahu acara itu ditingkatkan lagi melalui penglibatan pelbagai pihak antaranya persatuan e-sukan, motosikal dan beyblade.

"Contohnya, apabila kita buka beyblade, kita perlu ada modul bagaimana hendak rekrut peminat sukan ini supaya mereka boleh masuk pertandingan lebih besar," katanya.

Menegaskan belia aset penting yang perlu diberi perhatian menerusi pelbagai kegiatan sukan, Mohd Khairuddin menjelaskan program jelajah itu akan diperluas ke daerah lain.

Selangor memperkenal program e-sukan menerusi program Xtiv Virtual sejak 2020 dengan lebih 250,631 penyertaan dan mendapat 18 juta tontonan di media sosial.

Acara yang dipertanding antaranya PUBG, Mobile Legends Bang Bang, Call of Duty Mobile, Pro Evolution Soccer 2021, FIFA Pro Club, Selangor Xtiv Ride dan Selangor Xtiv Virtual Jump Rope Challenge.

Selangor satu-satunya negeri yang menganjurkan pertandingan sukan maya berskala besar beserta hadiah lumayan.

Klinik asas bola wanita 12 Mac

SHAH ALAM - Team Selangor dan FA Selangor menganjurkan klinik asas bola sepak khas untuk wanita pada 12 Mac di Padang Kompleks 3K, Subang Jaya.

Ketua Sekretariat Team Selangor Syahaizel Keman menjelaskan acara mulai jam 8 pagi hingga 12 tengah hari bersempena sambutan Hari Wanita pada 8 Mac.

"Buat julung kalinya, kita akan mengadakan klinik asas bola sepak khas untuk wanita dan ia terbuka untuk mereka yang berusia antara tujuh hingga 17 tahun," katanya pada 4 Mac.

Beliau berkata acara itu hasil kerjasama Persatuan Bolasepak Selangor (FAS), pejabat Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan Penggerak Belia Selangor (PeBS) Subang Jaya.

Bagi ibu bapa yang berminat, pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan bit.ly/KlinikBolaWanita atau menghubungi talian 013-530 3578.

Selangor FC kecam insiden gaduh

SHAH ALAM - Selangor FC mengecam keras pergaduhan antara penyokong pasukan itu dengan Kuala Lumpur City di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada 4 Mac.

Pasukan Gergasi Merah menegaskan pelakuan sedemikian mengancam keamanan dan keselamatan penyokong lain yang menyaksikan perlawanan tersebut.

"Bola sepak merupakan sukan menyatukan dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikannya terpelihara daripada kelakuan tidak berakhlak segelintir individu yang hanya mementingkan diri sendiri," menurut kenyataan di Facebook.

Selangor FC menegaskan aspek keselamatan penyokong perlu dititik berat terutama kalangan warga emas, kanak-kanak dan wanita supaya sukan itu dinikmati bersama tanpa sebarang rasa takut.

Pelari negeri layak ke Sukan SEA

SHAH ALAM - Atlet Selangor, M Avinesh Austin berjaya menempah tiket untuk untuk beraksi dalam acara olaraga 800 meter di Sukan SEA Hanoi, Vietnam pada Mei depan.

Kejayaan itu berdasarkan pencapaiannya yang mencatat masa 1:50.48 saat pada Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia ke-97 di Kuala Lumpur pada 6 Mac lalu.

Avinesh meraih pingat emas menewaskan atlet Kelantan, Wan Muhammad Fazri Wan Zahari dan rakan senegeri, Jeff Lim Zhe Yu.

Sementara itu, Majlis Sukan Negeri Selangor mengucapkan tahniah kepada Avinesh di atas kejayaannya layak ke kejohanan berprestij di Asia Tenggara berkenaan.

Syarat untuk penerima Sinovac

KUALA LUMPUR - Dos penggalak hanya disyaratkan kepada penerima vaksin primer Sinovac dan warga emas berusia 60 tahun ke atas untuk dibenarkan masuk ke stadium menonton perlawanan Liga Malaysia (Liga-M) 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bolasepak Malaysia (MFL) Stuart Ramalingam berkata pembaharuan tatacara operasi piawai (SOP) itu diterima daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara pada 4 Mac.

Menurutnya berdasarkan ketetapan sebelum ini, hanya penonton yang lengkap vaksinasi serta dos penggalak dibenarkan masuk ke stadium.

"Ini kerana tempoh ditetapkan sebelum ini iaitu 28 Februari kini dilanjutkan hingga 31 Mac dengan status vaksinasi lengkap akan ditukarkan kepada tidak lengkap sekiranya belum mendapatkan dos penggalak," katanya. – BERNAMA

DR SITI MARIAH MAHMUD
Seri Serdang
meninjau mangsa banjir kilat di Masjid Nurul Huda Kampung Kenangan, Subang Jaya

JUWAIRIYA ZULKIFLI
Bukit Melawati
menyampaikan alatan pembinaan kepada kontraktor di Kampung Asahan, Kuala Selangor

EAN YONG HIAN WAH
Seri Kembangan
mengedar tuala sempena Hari Wanita Sedunia di Kampung Baru Seri Kembangan, Subang Jaya

MAZWAN JOHAR
Sungai Ramal
memberi sumbangan kepada penduduk menghidap penyakit kronik di pusat khidmatnya

GUNARAJAH R GEORGE
Sentosa
menghulur bantuan persekolahan kepada keluarga B40 di pusat khidmat DUN beliau

LAU WENG SAN
Banting
menyerahkan bantuan kepada mangsa kemalangan jalan raya di Taman Sri Jarom, Kuala Langat

FAKHRULRAZI MOKHTAR
Meru
meninjau kawasan aduan masalah perparitan yang menjadi punca banjir kilat di Taman Daya, Klang

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama
melawat penduduk terjejas akibat ribut di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya

Peluang temu duga

Anjur program cari kerja 13 Mac

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Warga Selangor khususnya penduduk sekitar Subang Jaya yang mencari pekerjaan dipelawa menyertai program Jom Cari Kerja pada 13 Mac.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata program anjuran bersama pihaknya dan Selangor Kerjaya akan diadakan di Pusat Komuniti JKP Zon 4 mulai jam 9 pagi hingga 5 petang.

"Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada orang ramai untuk menghadiri temuduga terbuka, anda juga belajar menulis 'resume' yang betul daripada pakar bidang sumber manusia," katanya pada 6 Mac.

Selangor Kerjaya adalah inisiatif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi memacu ekonomi rakyat melalui padanan kerjaya bersesuaian dan berkesan.

Dilancarkan pada 26 Januari 2021, Selangor Kerjaya adalah program pengurusan bakat dan tenaga kerja untuk rakyat di negeri ini.

Program yang dilaksanakan hingga Disember tahun depan menyasarkan penempatan 10,000 tenaga kerja menerusi pelaksanaan sistem profil, padanan kerja sesuai dan latihan peningkatan kemahiran.

MBI berhasrat membina pangkalan data bagi pembangunan insan, memenuhi permintaan kemahiran dan membuka peluang kerja.

300 pek makanan bantu penduduk

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang menyediakan 300 pek makanan asas kepada keluarga yang menjalani kuarantin di rumah.

Wakil rakyatnya Rozana Zainal Abidin menjelaskan 150 selesai diagihkan oleh majlis pengurusan komuniti kampung (MPKK) setakat ini.

"Kita ambil inisiatif ini selepas mengambil kira keadaan penduduk atau keluarga dijangkiti Covid-19 yang perlu menjalani kuarantin diri, menyebabkan mereka sukar mendapatkan barang keperluan asas.

"Jadi, dengan cara ini saya harap ia dapat meringankan beban mereka sepanjang tempoh kuarantin," katanya pada 6 Mac.

Beliau berkata inisiatif itu akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan laporan daripada MPKK dan ketua komuniti kawasan masing-masing.

Individu yang dalam kuarantin dan memerlukan bantuan boleh menghubungi Pusat Khidmat Masyarakat DUN Permatang 03-3281 2069 atau 010-557 3736.

Agih baucar SMUE warga emas lahir Mac

SHAH ALAM - Baucar Skim Mesra Usia Emas (SMUE) diagihkan mulai 14 hingga 31 Mac kepada penerima manfaat yang menyambut ulang tahun kelahiran bulan ini.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia memaklumkan waktu agihan mulai 10 pagi hingga 4 petang sepanjang Isnin hingga Jumaat manakala 10 pagi hingga 12 tengah hari pada Sabtu.

"Setiap penerima manfaat akan menerima baucar RM100 yang boleh digunakan hanya di Pasar Raya Giant Batu Caves," kata Rahim Kasdi menerusi Facebook pada 6 Mac.

Beliau memaklumkan penerima perlu membawa kad pengenalan manakala salinan kad pengenalan untuk wakil bagi memudahkan urusan semakan dan pengesahan.

"Sebarang pertanyaan boleh hubungi Atikah di talian 012-672 7406 (waktu pejabat)," katanya.



AHLI DEWAN NEGERI KAMPUNG TUNKU

LIM YI WEI

- **Umur:** 33 tahun
- **Falsafah hidup** "Move fast, break things" - Mark Zuckerberg
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Ahli Majlis MBPJ
- **Alamat pejabat ADN:** 24, Jalan 20/9, Taman Paramount, 46300 Petaling Jaya
- **Nombor telefon ADN:** 03-7954 4724
- **Facebook:** www.facebook.com/LimYiWei.MY/
- **E-mel:** limyiwei@selangor.gov.my / limyiwei.dap@gmail.com



Tilam, makanan buat mangsa bah

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Seri Serdang mengedar alas tilam (toto), tilam dan makanan bermasak kepada lebih 250 keluarga di kawasannya yang terjejas banjir kilat pada 7 Mac.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata kenaikan paras air Sungai Klang akibat hujan lebat sejak jam 4 petang menyebabkan penduduk di sekitar Puchong berjaga-jaga dengan memindahkan ahli keluarga ke pusat pemindahan pementara (PPS).

"Setakat jam 2 pagi (8 Mac), terdapat empat PPS bagi DUN Seri Serdang iaitu di Dewan Camelia Putra Height, Sekolah Kebangsaan Puchong Indah, Masjid Putra Height dan Masjid Nurul Huda," katanya menerusi Facebook pada 8 Mac.

Beliau sebelum itu menyantuni mangsa banjir yang pulang ke rumah dan masih berada di PPS sehingga jam 2 pagi.

Selain Puchong, beberapa kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur turut ditenggelami air hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas di beberapa jalan utama serta lebuh raya.

Taja hidangan untuk calon SPM

SHAH ALAM - Calon Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kajang Utama menerima tajaan sarapan dan makan tengah hari daripada Ahli Dewan Negeri Sungai Ramal.

Mazwan Johar berkata pihaknya menyumbangkan RM2,000 kepada sekolah terbabit untuk menyediakan makanan kepada calon terbabit yang sebahagiannya daripada golongan berpendapatan rendah (B40).

"Pujian wajar diberikan kepada sekolah terbabit yang mengambil inisiatif membantu pelajar kurang berkemampuan.

"Semoga sumbangan ini dapat meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan calon SPM," katanya pada 26 Februari.

Gotong-royong bersih tanah kubur

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Dusun Tua bersama penduduk setempat bergotong-royong membersihkan tanah kubur lama Dusun Nanding, Hulu Langat pada 6 Mac.

Edry Faizal Eddy Yusof berkata usaha berkenaan bukan sahaja bagi memudahkan ahli keluarga menziarahi kubur malah mengeratkan hubungan bersama masyarakat.

Menurutnya antara kerja pembersihan dilakukan adalah menebang pokok reput dan memotong rumput.

"Terima kasih tidak terhingga kepada semua yang telah bertungkus-lumus menjayakan usaha yang sangat murni ini.

"Semoga Allah SWT membalas kebaikan dan diberikan kesejahteraan di dunia dan akhirat," katanya.

Anwar gesa segerakan projek tebatan bah di ibu negara 17

Misi jejak bakat baharu e-sukan 21

selangorkini

Abadi nama korban wabak pada jersi

SHAH ALAM - Selangor FC mengabadi nama penyokong mereka yang terkorban akibat Covid-19 pada jersi keluaran istimewa pasukan bola sepak itu.

Jersi bagi memperingati nama penyokong setia pasukan itu hanya dijual kepada pemegang pas bermusim 2020 dengan harga RM139.

"Semoga semangat dan memori mereka terus menjadi sumber kekuatan kelab ini," menurut kenyataan di Facebook.

Pembelian secara fizikal hanya boleh dibuat di FASTC Pop Up Store mulai 11 Mac. Bagi pembelian dalam talian, peminat boleh hubungi talian 016-3012778.

Cadang anjur pertandingan beyblade

KUALA LANGAT - Kerajaan Selangor bercadang untuk menganjurkan pertandingan beyblade pada peringkat negeri untuk golongan belia.

EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman berkata acara gasing moden itu masih dalam perancangan dan berkemungkinan diadakan pada Julai atau Ogos.

"Permainan beyblade diminati ramai tetapi tidak disentuh kebanyakan negeri. Nampak biasa tetapi peminatnya ramai," katanya selepas majlis pelancaran Jelajah Selangor Xtiv 2022 di sini pada 5 Mac.

Mohd Khairuddin juga mahu menganjurkan SERVE Rider bagi menghargai mereka yang banyak membantu Kerajaan Negeri dalam menangani dan membantu mangsa banjir tahun lalu.

Kelas secara bersemuka 4 April

SHAH ALAM - Sesi persekolahan pelajar menengah dilaksanakan secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) terlebih dahulu selama dua minggu mulai 21 Mac.

Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin berkata pelajar menengah hanya dibenar ke sekolah untuk sesi pembelajaran bersemuka mulai 4 April tanpa penggiliran.

"Keputusan ini tertakluk kepada semua murid berkeperluan khas di sekolah menengah pendidikan khas (SMKPK) dan program pendidikan khas integrasi (PPKI).

"Ia turut membabitkan pelajar tingkatan 1, 2, 3, 4, 5, prauniversiti, International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) serta kelas peperiksaan antarabangsa yang setara," katanya pada 5 Mac.

Dua pemain buru kasut emas

Selangor MAC juara liga futsal negara

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Selangor MAC muncul juara Cuckoo Liga Premier Futsal Malaysia (MPFL) 2022 selepas menewaskan Shah Alam City dengan jaringan 0-1 pada 6 Mac.

Jaringan Matheus Vasconcelos Silva pada minit ke-16 memadai untuk pasukannya mengesahkan kejuaraan dalam sirkit 8 di Kompleks Sukan Negara Panasonic di sini.

Berbaki satu perlawanan, kejayaan itu membolehkan Selangor MAC mengutip 36 mata daripada 12 kemenangan dan hanya tewas sekali selain menjaringkan 64 gol.

Selepas 13 perlawanan, Pahang Rangers FC yang membelasah ATM 7-1 pada 4 Mac mengumpul 32 mata di tangga kedua manakala Negeri Sembilan 26 mata di tempat ketiga.

Selangor MAC dan Pahang Rangers FC akan bertemu pada perlawanan terakhir dalam sirkit 9 yang berlangsung pada 11 hingga 13 Mac.

Dua pemain Selangor MAC Matheus Vasconcelos Silva dan Ekmal Shahrin berkongsi kedudukan penjaring terbanyak iaitu 14 gol sambil diekori pemain Pahang Rangers FC Ridzwan Bakri (12 gol).

Penyanyi veteran Wan Lestari mengadakan persembahan dalam Konsert Retro Muda Mudi sempena pelancaran Jelajah Selangor Xtiv 2022 di Dataran Pantai Morib, Kuala Langat pada 5 Mac.
Foto FIKRI YUSOF
▶ BERITA MUKA 21

Artis rock, pop yeh yeh bergabung

KUALA LANGAT - Penyanyi veteran era pop yeh yeh dan rock berkongsi pentas menjayakan Konsert Retro Muda Mudi dengan mendendangkan lagu popular masing-masing di sini pada 5 Mac.

Datuk Jeffrydin mengubat kerinduan peminat menerusi lagu Kenanganku dan Seruling Anak Gembala manakala Joey Bumiputra Rocker (Seribu Tahun Takkan Mungkin) selain Ramlah Ram (Kau Kunci Cintaku Dalam Hatimu).

Penyanyi Wan Lestari pula mengalunkan lagu Sekelip Mata Kau Berubah dan Cinta Itu Ketawa Dan Air Mata manakala J Sham (Suratku Untukmu).

Jeffrydin, 76, penghibur terkenal tahun 1960-an, mengakui persembahan itu pertama kali dibuat sejak dua tahun lalu akibat wabak Covid-19 sekali gus menjejaskan pendapatannya.

"Saya tidak sangka tetapi bersyukur kerana dibukakan pintu rezeki walaupun tidak banyak. Ini persembahan secara bersemuka pertama saya," katanya.

Penyanyi Wan Lestari, 54, pula teruja untuk membuat persembahan dan berbangga berikutan irama rock masih diminati ramai.

Konsert itu sempena pelancaran Jelajah Selangor Xtiv 2022 di Dataran Morib sini yang disempurnakan EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman.

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor